

**PERANAN KOPERASI DALAM
MEMPERTINGKATKAN KEPENTINGAN
SOSIO EKONOMI ANGGOTA-ANGGOTANYA.
SATU KAJIAN KES KE ATAS
KOPERASI ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN
BATU PAHAT BERHAD.**

Kertas projek yang dikemukakan kepada Sekolah Siswazah untuk

memenuhi sebahagian daripada keperluan

Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)

Universiti Utara Malaysia

Oleh:

MAHMUD BIN KADAR

NO METRIK: 84296

© Mahmud Bin Kadar, 2003. Hak Cipta Terpelihara



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

MAHMUD BIN KADAR (NO. MATRIK 84296)

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) SARJANA SAINS (PENGURUSAN)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

PERANAN KOPERASI DALAM MEMPERTINGKATKAN KEPENTINGAN SOSIO

EKONOMI ANGGOTA-ANGGOTANYA. SATU KAJIAN KES KE ATAS

KOPERASI ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN BATU PAHAT BERHAD

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia
(Name of Supervisor) : MOHAMED MUSADDIK BIN ABDULL MAJID

Tandatangan
(Signature) : 

Tarikh
(Date) : 24/12/2003

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas projek penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Program Sarjana Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia projek penyelidikan ini atau Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas projek ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini sama ada keseluruhan atau sebahagian hendaklah dipohon melalui:

**DEKAN SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK
KEDAH DARUL AMAN**

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat terdapatkah peningkatan tahap sosio ekonomi anggota-anggota Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad. Kajian ini hendak melihat perkaitan diantara pembolehubah bebas (perhubungan sosial, jumlah saham dan yuran, dividen, kekerapan meminjam, jumlah pinjaman, kumpulan wang anggota) dengan peningkatan tahap sosio ekonomi.

Sebanyak 354 sampel telah diambil daripada 4,417 orang anggota koperasi yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan pelbagai ketagori jawatan melalui persampelan rawak mudah. Kaedah soal selidik telah digunakan untuk membuat kutipan data dan maklumat yang diperlukan. Data-data yang dikumpul dianalisa menggunakan kaedah statistik “descriptive” dan statistic “Inferential”

Hasil daripada kajian didapati responden bersetuju bahawa Koperasi telah memberikan kesan kepada tahap peningkatan sosio ekonomi anggota-anggotanya melalui peningkatan tahap pendidikan anggota/anak anggota dan berasa selamat sebagai seorang anggota Koperasi. Analisa korilasi memperlihatkan pembolehubah bebas dan mempunyai perkaitan yang signifikan dengan peningkatan tahap sosio ekonomi.

ABSTRACT

The purpose of this study is to see the progress level of social economic status among members of Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad. This study wants to find out the correlation between independent variables (social interaction, amount of shares and fees, dividend, frequency of taking loans, amount of loan, members collective fund) with the progress level of social economic status.

Samples of 354 were taken from a total of 4,417 co-operative members comprising different departments and different levels of job categories using simple random sampling. Questionnaires were used as the instrument to obtain data and information. The data collected were tested using descriptive and inferential statistics.

The result of the research showed that the respondents agreed that the co-operative has an impact on the progress level of social economic status of the co-operative members through upgrading members/members children education and feeling secure as a co-operative members. The correlation analysis showed that independent variables have significant relationship with the progress level of social economic status.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan pertolonganNya dapatlah saya menyiapkan kertas projek ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan).

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Mohamed Musaddik Bin Abdul Majid selaku penyelia kertas projek ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Prof Madya Dr. Abdul Jumaat Mahajar dan Dr Mustapha Bin Zakariah selaku pensyarah Universiti Utara Malaysia yang telah memberi tunjuk ajar yang amat bermakna dalam penyediaan kertas projek ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada kesemua pensyarah-pensyarah UUM dan INTAN yang telah banyak menyumbangkan masa dan tenaga serta berkongsi ilmu dan pengalaman sepanjang program Diploma Sains (Pengurusan)/Sarjana Sains (Pengurusan) ini dijalankan.

Segala kejayaan yang saya perolehi adalah berkat doa, dorongan dan sokongan daripada ibunda Nosmah Bte Abdullah dan juga ayahanda Kadar Bin Tolah. Penghargaan yang teristimewa adalah untuk isteri saya Fhaezah Bte Atan yang telah banyak berkoban masa dan tenaga untuk memastikan kejayaan saya. Buat anak-anak saya Muhammad Solehin, Muhammad Shukri, Nur Shuhadah dan Nur Shahirah, senyum dan tawa mereka telah

menguatkan semangat saya untuk terus berjaya. Semoga mereka akan dewasa sebagai insan yang mencintai ilmu.

Akhir kata, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua rakan-rakan di dalam program Diploma Sains (Pengurusan)/Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/INTAN 2002/2003 yang telah banyak membantu saya sepanjang program ini dijalankan.

MAHMUD BIN KADAR

INTAN BUKIT KIARA

KUALA LUMPUR.

KANDUNGAN

	Halaman
KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Tumpuan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	11

BAB II	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Definasi	13
2.2	Falsafah Koperasi	17
2.3	Konsep Koperasi	18
2.4	Prinsip-Prinsip Koperasi	18
2.5	Perbezaan Diantara Koperasi Dengan Perniagaan Swasta	25
2.6	Sejarah Koperasi Di Malaysia	28
2.6.1	Sejarah Undang-Undang Koperasi	28
2.6.2	Sejarah Koperasi Kredit	30
2.6.3	Detik Hitam Koperasi Kredit	35
2.7	Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad	40
2.8	Kajian Literatur	43
BAB III	METADOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	55
3.2	Rekabentuk Kajian	56
3.3	Hipotesis Kajian	57
3.4	Definasi Istilah	58
3.4.1	Pembolehkan Bersandar	58
3.4.2	Pembolehkan Bebas	59
3.5	Populasi Dan Persempelan	62
3.6	Sumber Data	63
3.7	Instrumen Kajian	65

3.8	Pra-Uji Soal-Selidik	67
3.9	Analisa Data	68
3.10	Rumusan	71
BAB IV	ANALISA DAN PENEMUAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	72
4.1	Latarbelakang Responden	72
4.1.1	Latarbelakang Responden Mengikut Jantina	73
4.1.2	Latarbelakang Responden Mengikut Perjawatan	73
4.1.3	Latarbelakang Responden Mengikut Pendapatan	75
4.1.4	Latarbelakang Sebab-Sebab Utama Responden Menjadi Anggota	76
4.1.5	Latarbelakang Tempoh Responden Menjadi Anggota Koperasi	77
4.1.6	Latarbelakang Kedudukan Modal Saham Dan Yuran Responden	78
4.1.7	Latarbelakang Responden Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan	79
4.1.8	Latarbelakang Kecenderungan Responden Menghadiri Kursus Berkenaan Koperasi	80
4.1.9	Latarbelakang Aktiviti Pinjaman	81
4.1.10	Jenis-Jenis Pinjaman Yang Dibuat Oleh Anggota-Anggota Koperasi	82

4.2	Persepsi Responden Keatas Pembolehubah Kajian	84
4.2.1	Pembolehubah Bebas	84
4.2.2	Pembolehubah Bersandar	91
4.3	Pengujian Hipotesis	92
4.4	Merungkai Objektif Kajian	96
BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Kesimpulan	97
5.2	Rumusan	100
5.3	Cadangan	101
5.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	103

BIBLIOGRAFI

SENARAI JADUAL

<u>JADUAL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>HALAMAN</u>
Jadual I	Perbandingan Antara Koperasi Dengan Swasta	25
Jadual II	Jantina Responden	73
Jadual III	Taraf Perjawatan	74
Jadual IV	Pendapatan (Gaji) Responden	75
Jadual V	Sebab Utama Menjadi Anggota	76
Jadual VI	Tempoh Keanggotaan	77
Jadual VII	Modal Saham Dan Yuran	78
Jadual VIII	Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan	79
Jadual IX	Menghadiri Kursus	80
Jadual X	Kedudukan Peminjam	81
Jadual XI	Jenis-Jenis Pinjaman Yang Dibuat	83
Jadual XIIa	Perhubungan Sosial	85
Jadual XIIb	Modal Yuran Dan Syer	86
Jadual XIIc	Dividen Yang Diterima	87
Jadual XIId	Kekerapan Meminjam	88
Jadual XIIe	Jumlah Pinjaman Yang Diterima	89
Jadual XIIIf	Kumpulan Wang Anggota	90
Jadual XIIg	Peningkatan Sosio Ekonomi	91
Jadual XIII	Perkaitan Pembolehubah-Pembolehubah	92

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

PERKARA

Lampiran I	Jadual Menentukan Saiz Sampel Dari Populasi
Lampiran II	Bilangan Persempelan Di Jabatan Kerajaan
Lampiran III	Borang Soal Selidik
Lampiran IV	Kebolehpercayaan Pembolehubah-Pembolehubah
Lampiran V	Kekuatan Hubungan Diantara Dua Pembolehubah
Lampiran VI	Pemulangan Borang Soal Selidik
Lampiran VII	Jadual Kekerapan

SENARAI RAJAH

<u>RAJAH</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
Rajah I	Perhubungan Diantara Pembolehubah- Pembolehubah.	56

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Koperasi pertama di dunia ditubuhkan pada 21 Disember 1844 yang beralamat no 31, Jalan Toad, Rochdale, England semasa revolusi industri berkembang di Eropah. Dimana seramai 28 orang penenun kain telah berjaya menubuhkan sebuah koperasi pengguna dengan modal hanya 28 pound. Penubuhannya yang berkonsepkan koperasi pengguna adalah bertujuan untuk membela nasib pekerja-pekerja industri akibat daripada dieksplotasi oleh para pemodal-pemodal dan peniaga-peniaga yang hanya mementingkan keuntungan.

Sebenarnya idea berkoperasi ini telah diperkenalkan oleh Robert Owen pada tahun 1771 hingga 1858. Beliau seorang usahawan pemilik kilang tekstil dan juga seorang pemimpin masyarakat di England. Beliau berangan-angan mahu menubuhkan perkampungan di seluruh negaranya yang boleh dinamakan “Dunia Baru Yang Bermoral” bagi menggantikan dunia lama yang dianggap “penuh penyelewengan”. Dalam tahun 1799 beliau telah menubuhkan suatu perkampungan yang berasaskan prinsip-prinsip persaudaraan dan tolong menolong bertempat di New Lanark, Scotland dan sebuah institut pendidikan moral dalam tahun 1816 di tempat yang sama. Perkampungan koperasi yang dicita-cita olehnya telah ditubuhkan di Hampshire, England pada tahun 1839. Walaubagaimana pun usaha beliau akhirnya gagal tetapi idea beliau telah dapat

mempengaruhi sebilangan rakyat dan membuka jalan ke arah pengwujudan gerakan koperasi yang lebih sistematik Akhirnya beliau telah dianggap sebagai “Bapa Gerakan Koperasi” oleh pengikut-pengikutnya.

Idea untuk menubuhkan koperasi di Malaysia telah dibawa masuk oleh penjajah British. Memandangkan keadaan mundur masyarakat di Tanah Melayu pada masa itu, maka pada tahun 1911, Sir Arthur Young telah menubuhkan satu jawatan kuasa untuk mengkaji tentang baik buruknya menubuhkan koperasi. Tetapi apabila Perang Dunia Pertama (1914 – 1918) meletus segala usaha beliau untuk menubuhkan sebuah koperasi gagal. Pegawai British pada masa itu merasakan bahawa masyarakat di Tanah Melayu sedang mengalami masalah ekonomi dan sosial yang amat teruk, terutama sekali masalah hutang sehingga menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Hal ini ditambah lagi dengan wujudnya berbagai-bagai budaya Melayu yang dianggap membazir seperti membelanjakan secara berlebihan untuk upacara perkahwinan, kenduri-kendara, majlis berkhatan, bersalin dan beberapa upacara lain yang secara langsung tidak menggalakkan mereka untuk berjimat cermat.

Dengan daya usaha Sir Carvendish, satu Enakmen Syarikat-syarikat Kerjasama telah diluluskan pada tahun 1922. Ianya merupakan undang-undang yang ditiru daripada undang-undang koperasi yang diluluskan oleh kerajaan India pada tahun 1922. Pada masa itu koperasi ditubuhkan untuk mengatasi masalah sosio ekonomi masyarakat luar bandar memandangkan kedudukan kewangan mereka yang semakin meruncing, terutamanya di kalangan kaum petani dan nelayan.

Koperasi yang pertama ditubuhkan di Malaysia ialah Syarikat Bekerjasama-sama Kampung Tebuk Haji Musa, Kerian Dengan Tanggungan Tidak Berhad, manakala koperasi yang pertama didaftarkan pada 21 Julai 1922 adalah The Federated Malay States Post and Telegraphs Cooperative Thrift and Loan Society Limited (Bil Pendaftaran: 1/21-07-1922). Koperasi ini ditubuhkan di Perak dengan jumlah anggotanya seramai 547 orang dan modal asas sebanyak RM14,239.00. Koperasi di Kerian itu telah dibatalkan manakala Koperasi Pos dan Telegraf sekarang dinamakan KOTAMAS atau Koperasi Kakitangan Telekom Malaysia Berhad.

Gerakan Koperasi di Sarawak bermula pada 3 Mei 1949 manakala di Sabah ianya diperkenalkan mulai tahun 1959. Pada asalnya Undang-undang Koperasi yang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak adalah Ordinan Koperasi 1949 (Cap. 66 of The Laws of Sarawak) dan Ordinan Koperasi No 3/1958 of Sabah dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Ini berlaku sehingga Akta Koperasi 1993 (Act 502) dikuatkuasakan.

Gerakan Koperasi di Malaysia bergiat dalam berbagai lapangan termasuk kredit, pengguna, pengisaran padi, perumahan, pembangunan tanah, kenderaan dan pengangkutan, pembalakan, kontrak buruh, perindustrian kecil, insuran dan koperasi di sekolah-sekolah.

Di Semenanjung, koperasi-koperasi asastani dan perikanan telah diserahkan kepada LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) dan LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) dalam tahun 1974. Koperasi-koperasi lain di bandar-bandar dan bukan berasaskan pertanian

dan perikanan diawasi oleh JPK, tetapi di Sabah dan Sarawak JPK masih mengawasi semua jenis koperasi.

1.2 Penyataan Masalah.

Kejayaan koperasi adalah sesuatu yang subjektif. Apakah ukuran yang digunakan untuk mengukur kejayaan sesuatu koperasi dan apakah ukuran yang digunakan untuk mengukur kegagalannya. Adakah ianya diukur melalui jumlah aset yang bernilai berjuta-juta ringgit atau mempunyai jumlah syer dan anggota yang paling tinggi atau keberbagaian aktiviti-aktivitinya atau kadar dividen atau pun rebet yang diberikan kepada anggota-anggotanya.

Jika faktor diatas menjadi asasnya maka ianya hanya diukur dari aspek material semata-mata. Bagaimana pula sesebuah koperasi yang kecil, mempunyai bilangan anggota dan jumlah syer yang terhad dan hanya menjalankan aktiviti yang tertentu sahaja tetapi dapat memenuhi keperluan dan kehendak anggota-anggotanya. Koperasi yang kecil ini telah dijalankan dengan penuh komitmen dengan mengikut prinsip-prinsip koperasi oleh kesemua warganya yang meliputi anggota-anggota biasa, Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Juruaudit Dalaman. Adakah koperasi ini juga boleh dianggap sebagai sebuah koperasi yang berjaya.

Apabila kita melihat kembali matlamat penubuhan sesebuah koperasi adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi anggota-anggotanya melalui aktiviti-aktiviti

yang berbentuk perkhidmatan dan juga keuntungan. Ini bererti koperasi perlu seimbangkan kedua-dua matlamat tersebut.

Y.A.B Perdana Menteri Malaysia sendiri di Dewan Rakyat semasa membentangkan anggaran belanjawaan tahun 1992 telah menyatakan:

“Koperasi merupakan jentera yang mampu menggerakkan kekuatan ekonomi masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana. Jika diurus dengan cara profesional dan bertanggungjawab, koperasi boleh menjadikan kegiatan ekonomi yang menyakinkan dan dapat melibatkan penyertaan rakyat secara meluas.”

Menurut pandangan Y.M Profesor DiRaja Ungku A. Aziz mengenai peranan koperasi dalam mengukuhkan ekonomi anggota-anggotanya adalah seperti berikut:

“Kita mesti membezakan diantara koperasi yang memberi perkhidmatan khusus dan koperasi yang hanya menjadi alat sumber kewangan (pelaburan). Contohnya koperasi pengguna, dimana pada masa ini kalau kita perhatikan, boleh menyediakan perkhidmatan yang baik kepada anggota melalui penyediaan bahan keperluan harian dengan harga yang berpatutan dan memberi pulangan rebate 8 hingga 10%. Misalnya Koperasi Kedai Buku UM memberi 10 hingga 15% rebate. Koperasi perumahan pula, kalau dijalankan dengan betul, boleh mendirikan rumah bangunan dengan kos yang sederhana untuk anggota. Koperasi sekolah misalnya, pada masa ini memberi peluang kepada pelajar mengurus

perniagaan secara langsung serta mengenalkan sistem akaun dan sebagainya, disamping membuat keputusan tentang akaun berlandaskan perkhidmatan. Koperasi yang memberi perkhidmatan tertentu boleh membantu menambah mutu penghidupan bagi anggotanya. Manakala koperasi pelaburan pula, dimana anggota menyimpan duit kemudian wang itu dilaburkan cara yang bijak dan saksama, dapat memberikan dividen dan syer bonus kepada anggota. Sekiranya koperasi pelaburan boleh memberikan wang pinjaman dengan faedah 7 hingga 8%, ini sungguh istimewa dan usaha ini wajar diteruskan.”

Sejak diperkenalkan pada tahun 1922 sehingga 31 Desember 2001, bilangan koperasi kredit yang berdaftar berjumlah 456 buah, ianya telah berjaya menggembeling sejumlah 1.5 juta anggota yang merangkumi RM3.3 billion syer dan RM15.8 billion yuran. Koperasi Kredit juga menyumbang kepada negara dalam bentuk pembayaran cukai dimana dalam tahun 2000 sejumlah RM69.7 juta telah dijelaskan dan zakat sebanyak RM21.5 juta telah dibayar kepada Jabatan Agama Islam. Berdasarkan kenyataan diatas ternyata koperasi telah memainkan peranannya dalam penyumbang kepada sektor ekonomi negara.

Persoalannya sejauh manakah penubuhan koperasi-koperasi kredit dapat memainkan peranannya dalam mempertingkatkan kepentingan ekonomi anggotanya seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 4(1) Akta Koperasi 1993.

1.3 Tumpuan Kajian.

Kajian akan ditumpukan keatas Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad. Koperasi ini ditubuhkan pada 20 Mac 1950 yang dianggota oleh kakitangan kerajaan daerah Batu Pahat. Tujuan koperasi ini di tubuhkan adalah untuk menjalankan aktiviti kredit kepada anggota-anggotanya. Sehingga 30 Jun 2002 jumlah yuran dan saham anggota adalah RM15,566,016.60 dan bilangan anggotanya adalah 4,417 orang. Setelah beroperasi selama lebih daripada 50 tahun, koperasi ini telah memiliki keseluruhan harta berjumlah RM21,170,267.41 dan jumlah akaun untung rugi terkumpul adalah RM1,219,166.13. Koperasi ini pilih adalah disebabkan:

- i) Koperasi ini memiliki aktiviti yang perbagai untuk kemudahan anggota-anggotanya seperti:
 - a) Kemudahan pinjaman:
Al Qardhul Hassan Kecemasan
Al Qardhul Hassan Tanpa Jaminan
 - b) Kemudahan pembiayaan jual beli (Al Murabahah)
 - c) Kemudahan pembiayaan hari perayaan dan pra sekolah.
 - d) Kemudahan pinjaman pendidikan.

- e) Mengusahakan aktiviti penyewaan 11 buah bilik dan ruang pejabat.
- f) Kedai koperasi yang meliputi barangan elektrik keluaran Nasional Panasonic, barangan permaidani, komputer, penghawa dingin, tayar dan aksesori kereta, perbagai jenis mesin, motosikal dan juga pakej pelancungan dan umrah.
- g) Stesen minyak BP.
- h) Perniagaan pajak gadai emas (Ar Rahnū)
- i) Perniagaan perabut jati.
- ii) Aktiviti kebajikan:
 - a) Pelbagai skim insurans (AMAL)
 - b) Derma kebajikan kematian.
 - c) Hadiahsiswa

- iii) Merupakan koperasi kredit yang terbaik dalam negeri Johor:
- a) Memenangi anugerah “Koperasi Kredit Terbaik Negeri Johor” untuk tahun 2001.
 - b) Memenangi anugerah “Koperasi Terbaik Negeri Johor” untuk tahun 1995.
 - c) Pengerusi Koperasi menerima anugerah “Tokoh Koperasi Negeri Johor” untuk tahun 2001.

1.4 Objektif Kajian.

Pertama: Terdapatkah hubungan yang signifikan diantara perhubungan sosial dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.

Kedua: Terdapatkah hubungan yang signifikan diantara jumlah modal yuran dan saham dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.

- Ketiga: Terdapatkah hubungan yang signifikan diantara jumlah dividen yang diterima dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.
- Keempat: Terdapatkah hubungan yang signifikan diantara kekerapan anggota meminjam dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.
- Kelima: Terdapatkah hubungan yang signifikan diantara jumlah pinjaman yang diterima dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.
- Keenam: Terdapat hubungan yang signifikan diantara jumlah sumbangan kumpulan wang anggota dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.

1.5 Kepentingan Kajian.

Gerakan koperasi di Malaysia telah bertapak selama lebih kurang 80 tahun yang mana ianya bertujuan untuk mengatasi masalah kemiskinan dikalangan masyarakat petani, nelayan dan juga kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah. Walaupun begitu kajian secara terperinci akan kejayaan koperasi dalam mengatasi masalah sosio ekonomi

amat berkurangan dan terhad. Bilangan kajian yang ada tidak cukup untuk memberi maklumat yang sepenuhnya kepada kerajaan, agensi-agensi yang berkaitan dengan pergerakan koperasi dan juga masyarakat umum.

Oleh itu kajian ini dilakukan untuk sekurang-kurangnya dapat memberi gambaran dan kefahaman mengenai perkembangan dan pergolakan pergerakan koperasi di Malaysia. Kajian ini lebih menumpukan kepada peranan yang telah dimainkan oleh sebuah koperasi kredit dalam usaha meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya. Maklumat-maklumat yang didapati daripada kajian ini mungkin dapat dimanfaatkan oleh kerajaan, agensi-agensi yang berkaitan dengan koperasi, masyarakat umum dan mereka yang berkepentingan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan gerakan koperasi. Dengan adanya maklumat-maklumat tersebut maka dapatlah dirangka strategi dan pelan tindakan untuk memperkukuhkan lagi gerakan koperasi ke arah matlamat penubuhannya. Oleh yang demikian gerakan koperasi akan menjadi salah satu faktor pemangkin selain daripada sektor swasta dalam usaha mengerakkan ekonomi negara.

1.6 Batasan Kajian

- i) Kajian ini hanya dibuat ke atas sebuah sahaja koperasi kredit daripada 456 buah koperasi kredit yang ada di seluruh Malaysia. Oleh yang demikian kajian ini tidak boleh dianggap sebagai mencerminkan keputusan yang sama kepada semua koperasi kredit yang lain.

- ii) Kajian ini dibuat ke atas sebuah koperasi kredit yang berjaya di negeri Johor dan hasil kajian berkemungkinan tidak menggambarkan bagi sebuah koperasi kredit yang lemah.
- iii) Jumlah anggota koperasi tersebut adalah seramai 4,417 orang dan adalah sukar untuk mendapat responden sebanyak 10% daripada populasi yang sebenar.
- iv) Walaupun 10% responden memberikan maklum balas kepada soal selidik yang dibuat berkemungkinan ianya tidak menggambarkan keadaan yang sebenar.
- v) Fokus kajian adalah dalam bentuk soal selidik dan ianya hanya merupakan tanggapan anggota-anggota koperasi sahaja. Oleh yang demikian berkemungkinan terdapat bias dalam kajian.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Definisi

Asan Ali Golam Hassan dalam bukunya *Gerakan Koperasi Di Malaysia, Peranan Dan Strategi Dalam Pembangunan Negara 1998* menyatakan:

“Koperasi ialah satu bentuk perniagaan yang diusahakan oleh sekumpulan masyarakat yang bermuafakat untuk menjalankan satu jenis perniagaan atau kegiatan sosial yang bercorak demokrasi. Koperasi bertujuan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi dan sosial anggotanya.”

Akta Koperasi 1993, Seksyen 4(1) menyebut koperasi sebagai:

“Sesuatu pertubuhan yang terdiri daripada orang-orang individu sahaja dan yang matlamatnya ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi boleh didaftarkan di bawah Akta ini sebagai suatu koperasi asas.”

Mengikuti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) koperasi merupakan:

“Suatu pertubuhan manusia, lazimnya yang berpendapatan rendah dan terhad, yang sukarela bermuafakat untuk mencapai kehendak ekonomi yang sama menerusi organisasi perniagaan yang dikawal secara demokratik, membuat caruman yang berpatutan kepada modal yang dikehendaki oleh pertubuhan, dan sanggup pula menanggung risiko yang berpatutan bagi penguasaan itu”

(Subiyakta, Siregar dan Harjasumarta, 1981)

Yang Dipertua Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), Profesor DiRaja Ungku Abdul Aziz mendefinisikan koperasi sebagai:

“Satu fahaman dimana pengikutnya bergiat mengurus pengeluaran, penggunaan, pemasaran atau pinjaman dan sebagainya dengan tujuan menolong satu sama lain tanpa matlamat mencari keuntungan” (A.Aziz 1985)

Menurut “International Cooperative Alliance” (ICA),:

“Koperasi adalah satu bentuk organisasi dimana orang-orang perseorangan secara sukarela bergabung bersama-sama, sebagai manusia, diatas dasar persamaan demi meningkatkan kepentingan ekonomi mereka sendiri” (JPK 1995, 1)

Menurut Ward W.Fetrow dan R.H Elsworth (Zainal Abidin Hashim, 1997) koperasi adalah:

“Pertubuhan ekonomi yang bercorak demokrasi, berusaha untuk kebaikan bersama, dimiliki dan dikawal oleh ahli-anggotanya tanpa mengutamakan keuntungan dan mendapat kebaikan berdasarkan penglibatan.”

Menurut Job K.Savage dan David Volkin (Zainal Abidin Hashim, 1997) koperasi adalah:

“Pertubuhan yang diusahakan secara sukarela oleh ahli-anggotanya yang mempunyai kepentingan yang sama. Agihan pelaburan, risiko, kebaikan, keuntungan dan kerugian berdasarkan pegangan ekuiti dan penglibatan ahli-ahli dalam pertubuhan itu.”

Islam sememangnya menggalakkan kerjasama dan keharmonian dalam semua aspek kehidupan. Perkataan Islam merupakan terbitan daripada perkataan “salam” yang bermaksud sejahtera, tidak tercela, selamat, damai dan harmoni. Banyak ayat al-Qur’an dan hadith Nabi yang menggalakkan sifat tolong-menolong dan berkerjasama . Lihat petikan berikut:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan pencerobohan.”

(Surah al-Maidah 5:2)

Nabi Muhamad s.a.w bersabda:

“Seseorang itu hendaklah menolong saudaranya sama ada ianya zalim dan dizalimi. Jika ia zalim ia hendaklah dihalang dari terus melakukan dosa dan itu adalah pertolongan untuknya; dan jika ia dizalimi ia hendaklah dibantu menentangnyanya”.

(Muslim)

Kewajipan menolong mereka yang memerlukan pertolongan dalam kesempitan juga ditegaskan didalam al-Qur'an yang bermaksud:

“Dan pada harta-harta mereka ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi hak untuk orang miskin yang menahan diri dari manusia”.

(Surah adz-Dzaariyaat 51:19)

2.2 Falsafah Koperasi

Satu perkara yang menarik dan menjadi tonggak dalam koperasi adalah semangatnya. Semangat yang dimaksudkan melibatkan sikap sukarela, bertolong-tolongan atas kepentingan masing-masing, kasih sayang, hormat menghormati, tiada menyebutkan upah tertentu dan berupaya melibatkan masyarakat secara menyeluruh. Ia telah dapat dianjurkan dengan meninggalkan kesan langsung dalam mengatasi sifat-sifat dengki, tamak haloba dan mementingkan diri sendiri.

Sesungguhnya konsep yang tulen ialah pembangunan manusia (anggota-anggota) dalam dua aspek, sosial dan ekonomi. Sebab itu manusia yang menjadi anggota koperasi harus bercita-cita membangun, mengharapkan pembangunan dan bergerak untuk membangun. Sebenarnya pembangunan itu sendiri adalah keuntungan dan ianya merupakan hasil yang lebih besar daripada wang.

Sekiranya pembangunan sosio-ekonomi dapat diseimbangkan dalam bentuk perkhidmatan dan lain-lain keperluan untuk anggota-anggotanya maka tidak dapat dinafikan kesejahteraan dan kestabilan masyarakat akan dipengaruhi ke tahap yang dicita-citanya iaitu aman, makmur dan bertoleransi.

2.3 Konsep Koperasi

Terdapat empat elemen yang menentukan struktur koperasi iaitu:

- i) Kumpulan manusia yang mempunyai sekurang-kurangnya satu keperluan ekonomi yang sama.
- ii) Tujuan untuk menolong diri sendiri.
- iii) Cara-cara mencapai tujuan yang sama adalah dengan menubuhkan satu pertubuhan yang dipunyai dan ditadbirkan secara bersama.
- iv) Tujuan kegiatan bersama adalah untuk kemajuan anggota-anggota.

2.4 Prinsip-Prinsip Koperasi

Koperasi bolehlah dianggap sebagai sebuah organisasi yang mempunyai ciri-cirinya tertentu dimana ianya terdiri daripada satu kumpulan orang dalam ertikata sosiologi. Orang-orang ini merupakan pengusaha baik secara individu atau isi-rumah. Mereka mempunyai sekurang-kurangnya satu tujuan bersama. Mereka bergabung dalam kumpulan untuk menolong diri sendiri atau saling membantu dalam menyelesaikan

masalah bersama melalui sebuah perusahaan perniagaan yang mereka miliki bersama yang dinamakan perusahaan koperasi.

Perusahaan koperasi tidak bertujuan menghasilkan sebarang barang atau perkhidmatan semata-mata tetapi untuk menghasilkan barang atau khidmat yang diminta oleh anggota untuk tujuan perniagaan mereka atau isi rumah. Ternyata bahawa tugas khusus koperasi ialah untuk meningkatkan kebajikan (ekonomi) anggota sebagai pengusaha individu atau sebagai isi rumah yang berhajat kepada barang atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi.

Bila memperkatakan tentang prinsip koperasi seharusnya kita menoleh kebelakang kepada zaman pelopor-pelopor Rochdale dan mengambil kira percubaan-percubaan awal mereka dalam menubuhkan koperasi dalam tahun 1844. Koperasi yang mengamalkan peraturan Rochdale telah menubuhkan satu persatuan koperasi di London pada tahun 1895 yang dikenali sebagai “The International Cooperative Alliance [ICA] atau Perikatan Koperasi Antarabangsa. ICA dianggap sebagai pemegang amanah pusaka daripada Rochdale menerima dan menganggap prinsip Rochdale sebagai “prinsip-prinsip koperasi” yang harus menjadi asas amalan koperasi diseluruh dunia. Prinsip ini seperti berikut:

i. Keanggotaan secara terbuka dan secara sukarela.

Keahlian terbuka, memberi maksud tidak mengenakan halangan kepada mana-mana individu. Namun untuk menjadi anggota dan untuk menarik diri bukanlah secara automatik. Pengertian keanggotaan yang terbuka bermakna tidak ada halangan secara sewenang-sewenang ataupun berpunca daripada diskriminasi tertentu terhadap:

- a) Keanggotaan oleh seseorang yang berhajat dan boleh mendapat manfaat daripada khidmat yang ditawarkan oleh koperasi dan dapat memenuhi syarat-syarat untuk menjadi dan meneruskan keanggotaannya dalam koperasi, dan
- b) Seseorang yang ingin menarik diri daripada menjadi anggota ataupun seseorang anggota yang tidak lagi dapat memenuhi syarat-syarat sebagai seorang anggota.

ii. Pengurusan dan kawalan secara demokrasi.

Pengurusan dan kawalan secara demokrasi, memerlukan anggota mempunyai kebebasan bertindak dan mengambil bahagian dalam pembuatan keputusan secara muktamad berkenaan hal-ehwal koperasi. Proses membuat keputusan mestilah terbuka dan berlunaskan demokrasi

dengan mengamalkan sepenuhnya peraturan yang teratur dan jelas (seperti membuat pengundian) dan hak mengundi (baik aktif atau pasif) diagihkan sama rata. Oleh yang demikian anggota mempunyai hak mengawal dan mengawasi hal-ehwal koperasi mereka secara langsung atau tidak langsung.

iii. Pengurusan modal saham yang terhad.

Pulangan (faedah) modal saham yang terhad, bererti pulangan keatas modal saham dihadkan kepada suatu kadar. Jika perlu dibayar hendaklah yang difikirkan munasabah, tetapi tidak melebihi kadar purata pasaran. Oleh itu pulangan modal saham tidaklah semaksimum yang mungkin. Had pulangan yang dimaksudkan ialah had maksimum dan bukannya had minimum. Ini bererti pulangan modal saham tidak semestinya dibayar. Ini adalah disebabkan koperasi bukanlah merupakan sebuah organisasi pelaburan yang menggalakkan anggotanya membuat pelaburan sebanyak mungkin untuk mendapatkan keuntungan yang setinggi mungkin.

iv. Pembayaran hadiah langganan.

Pembayaran hadiah langganan kepada anggota merupakan bayaran yang diagihkan kepada anggota-anggota mengikut nisbah jumlah urusniaga mereka dengan koperasi. Jika koperasi mempunyai lebih daripada

urusniaga (dalam urusniaga biasanya disebut keuntungan) setelah ditolak kos pengurusan dan lain-lain, lebih itu tidak sahaja dibayar balik kepada anggotai-anggota sebagai pulangan modal saham tetapi juga dibayar sebagai pembayaran hadiah langganan yang diagih mengikut nisbah jumlah urusniaga anggota dengan koperasi. Pembahagian lebih cara ini munasabah kerana lebih yang diperolehi oleh koperasi itu sebenarnya membayangkan sumbangan anggota melalui urusniaga dengan koperasi. Oleh kerana anggota merupakan pemilik bersama koperasi segala lebih yang dihasilkan oleh koperasi semestinya dipulangkan balik kepada mereka.

v. Pendidikan anggota yang berterusan.

Pendidikan yang berterusan bertujuan untuk melengkapkan anggota dengan kemahiran pengetahuan dan meyakinkan diri untuk menggunakan perkhidmatan koperasi sebagai alat untuk memajukan diri mereka dan berkemampuan untuk turut serta dalam aktiviti koperasi. Pendidikan juga bertujuan untuk membolehkan anggota mengawal koperasi dengan lebih berkesan. Secara umumnya tujuan pendidikan ialah untuk membolehkan anggota memainkan peranan yang berkesan sebagai anggota koperasi dan seterusnya sebagai warganegara. Jenis dan ruang lingkup pendidikan yang diberi bergantung pada agensi (kerajaan) tertentu yang diberikan peranan yang diharapkan dari setiap anggota sesebuah koperasi.

vi. Kerjasama antara koperasi.

Hubungan kerjasama yang terjalin diantara sesebuah koperasi daripada jenis yang sama atau pun yang berlainan jenis atau diantara koperasi dalam sektor ekonomi yang sama atau yang berlainan. Jalinan hubungan kerjasama boleh diwujudkan antara koperasi yang baru dibangunkan dan koperasi yang telah lama bertapak atau diantara koperasi dalam sebuah negara tertentu atau diantara koperasi diperingkat antarabangsa. Jalinan hubungan ini bukanlah untuk mewujudkan monopoli tetapi untuk saling meningkatkan kecekapan pertubuhan koperasi masing-masing secara bersama. Ia tidak seharusnya mengakibatkan berlakunya penguasaan terhadap mana-mana koperasi oleh koperasi lain atau penguasaan oleh sektor tertentu terhadap sektor lain. Sebaliknya hubungan kerjasama sedemikian seharusnya mempunyai kesan positif terhadap sistem ekonomi secara keseluruhan.

Keenam-enam prinsip diatas juga telah diperuntukan didalam seksyen 2 Akta Koperasi 1993 yang perlu diamalkan oleh kesemua koperasi. Disebabkan zaman pelopor-pelopor Rochdale, koperasinya berasaskan pengguna maka terdapat beberapa prinsip tambahan yang dinyatakan didalam prinsip Rochdale iaitu berkecuali dari segi kaum, agama dan politik, jualan barang tunai pada harga pasaran dan menjual barang yang asli, tanpa campuran yang rendah mutu.

Dalam usaha memandu arah pertubuhan-pertubuhan koperasi sejajar dengan arus perubahan semasa dan demi memenuhi keperluan pergerakan koperasi menjelang abad yang ke 21, Perikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) dalam kongresnya di Manchester, England pada tahun 1995 telah menerima pakai prinsip koperasi yang ke tujuh iaitu “Prihatin Terhadap Komuniti” (Concern for Community). Iaitu koperasi-koperasi mempunyai suatu tanggungjawab yang istimewa bagi memastikan bahawa pembangunan komuniti mereka dalam aspek ekonomi, sosial mahu pun budaya dapat bertahan atau dikekalkan (sustained). Maksud komuniti disini adalah bermaksud kumpulan-kumpulan manusia yang hidup bersama dalam sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu. Oleh itu faktor tempat dan batasan bagi sesuatu kawasan merupakan pemisah antara sesuatu komuniti dengan komuniti yang lain. Beberapa kumpulan komuniti akan membentuk satu masyarakat yang lebih besar.

Jika kita perhatikan ciri-ciri koperasi kita dapati dua sifat penting yang terdapat kepada koperasi iaitu:

- a) Dua sifat organisasi koperasi iaitu merupakan sebuah perniagaan dan pada masa yang sama juga merupakan kumpulan manusia dalam pengertian sosiologi.
- b) Anggota mempunyai dua identiti (peranan) iaitu sebagai pemilik dan pelanggan (atau pekerja) sesebuah koperasi. Oleh kerana adanya dua peranan sedemikian, penglibatan anggota kepada aktiviti koperasi lebih rapat dibandingkan dengan

organisasi perniagaan yang lain misalnya anggota seharusnya memberikan sumbangan modal, tenaga dan fikiran dalam pentadbiran koperasi. Dari sudut lain pula anggota memainkan peranan sebagai pelanggan untuk menggunakan barang atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh koperasi.

2.5 Perbezaan Diantara Koperasi Dengan Perniagaan Swasta.

JADUAL I

PERBANDINGAN ANTARA KOPERASI DENGAN SWASTA

Koperasi	Swasta
Tidak mengutamakan keuntungan.	Keuntungan menjadi motif utama.
Mementingkan perkhidmatan kepada anggota dan masyarakat.	Perkhidmatan yang mementingkan keuntungan yang paling tinggi.
Untung dibahagi bergantung pada langganan anggota.	Untung dibahagi mengikut saham yang dimiliki.
Membeli hasil dan membekalkan input kepada anggota dengan harga yang paling berpatutan.	Membeli dan membekalkan input dengan harga yang menjamin untung yang paling maksimum.
Anggota mentadbir dan mengurus secara demokrasi.	Kuasa pentadbiran bergantung pada berapa banyak saham yang dimiliki.
Satu undi bagi setiap anggota tanpa proksi.	Jumlah undi bergantung pada berapa banyak saham yang dimiliki, dan boleh menggunakan proksi.

Sumber: Zainal Abidin Hashim (1997), Koperasi Di Malaysia, Asas Dan Pergerakan, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.

Daripada Jadual I, kita melihat akan pendekatan diantara koperasi dengan swasta, koperasi mempunyai keistimewaannya tersendiri iaitu kegiatan perekonomiannya mengutamakan anggota-anggotanya terlebih dahulu pada tahap keuntungan yang paling minima yang mungkin. Keuntungan yang minima ini sekadar memadai untuk koperasi ditadbir dan diurus dengan cekap sebagai sebuah entiti perniagaan.

Lebih daripada aktiviti perniagaan yang lazimnya dipanggil keuntungan oleh swasta hendaklah diagihkan semula kepada anggotanya melalui pulangan langganan yang dinamakan “rebet” yang bersandarkan nisbah langganan anggota-anggota koperasi. “Rebet” lebih diutamakan berbanding dengan pemberian dividen kerana “rebet” melambangkan konsep kesetiaan dalam koperasi. Lebih setia kita kepada koperasi dengan berlanggan dengan koperasi maka lebih banyak pulangan “rebet” yang akan diperolehi seseorang anggota. Dimana dividen lebih mengutamakan jumlah pegangan saham yang dimiliki oleh individu dan tidak melambangkan kesetiaannya kepada organisasi.

Koperasi memberikan kuasa mentadbir sama rata kepada semua anggota-anggotanya dan tidak bergantung kepada jumlah saham yang dimiliki. Oleh yang demikian tidak ada sesaorang pun yang akan dapat mengawal sepenuhnya perjalanan sesuatu koperasi melainkan dengan cara berdemokrasi melalui persetujuan mesyuarat agung yang dihadiri oleh semua anggota-anggotanya. Ini berbeza dengan swasta dimana mereka yang mempunyai saham terbanyak

mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan perjalanan sesuatu entiti swasta tersebut.

Walau bagaimanapun banyak rungutan yang sering diluahkan, dimana konsep koperasi ini tidak sesuai untuk diamalkan dalam persaingan perniagaan yang sengit. Dimana keputusan hendaklah dibuat dengan segera kerana peluang hanya datang sekali sahaja dan peluang akan terlepas jika lambat membuat keputusan. Ia juga dikaitkan dengan ketidak cekapan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran yang berkonsepkan koperasi. Adakah kenyataan ini benar?, Jika dilihat dalam keadaan sekarang ini pun banyak syarikat swasta yang mengalami kerugian dan berkubur begitu sahaja.

Satu renungan, seekor penyu menitiskan air matanya sambil bertelur ratusan biji tetapi senyap sahaja malangnya seekor ayam bertelur sebiji tetapi riuh sekampung. Mungkinkah kelakuan sang penyu seperti sebuah koperasi yang berusaha menerangi anggota-anggotanya untuk kebaikan bersama.

2.6 Sejarah Koperasi Di Malaysia

2.6.1 Sejarah Undang-Undang Koperasi

Kegiatan koperasi secara rasmi bermula bila undang-undang bertulis tentang koperasi diluluskan oleh penjajah British. Undang-undang koperasi yang pertama diluluskan di Tanah Melayu ialah Co-operative Societies Enactment 1922 of the Federated Malay States bertarikh 28 Jun 1922. Ia berkuatkuasa di negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Enakmen 1922 ini telah disemak semula dan disiarkan sebagai FMS Cap 97 dalam tahun 1935. Pindaan telah dibuat dalam tahun 1937 melalui FMS Enactment No 18. Pada tahun 1948 Co-operative Societies Enactment 1922 telah dimansuhkan dengan pengenalan Co-operative Societies Ordinance 1948 berkuatkuasa keseluruhan Malaya. Ordinan 1948 inilah yang menjadi asas kepada Undang-undang Koperasi di Malaysia hingga hari ini.

Sebelum Ordinan 1948 diperkenalkan, Negeri-Negeri Selat dan negeri-negeri Melayu Bersekutu (Unfederated Malay States) masing-masing mempunyai Undang-Undang (Ordinance/Enactment) sendiri. Ordinan Koperasi 1948 adalah merupakan satu Ordinan yang digubal mengikut model Indian Co-operative Societies Act 1912. Ordinan Koperasi 1948 ini telah dipinda sebanyak 11 kali iaitu dalam tahun 1951, 1953, 1955 (3 kali), 1958, 1965, 1966, 1969, 1976 dan Act A334 1983. Pindaan dalam tahun 1976 itu menyentuh beberapa takrif baru keatas

istilah-istilah tertentu dalam ordinan. Pindaan terpenting ialah memasukkan prinsip-prinsip koperasi dalam Seksyen 4(2). Dengan ini bererti prinsip-prinsip tersebut telah diiktiraf sebagai sesuatu yang perlu di bawah undang-undang dan setiap koperasi yang berdaftar perlu mematuhiinya.

Dalam tahun 1983 Pesuruhjaya Semakan Undang-Undang di Jabatan Peguam Negara telah membuat semakan keatas Ordinan koperasi 1948 dengan tujuan mengemaskinikan peruntukan-peruntutannya. Dengan semakan itu Ordinan Koperasi 1948 dikenali sebagai Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983). Akta tersebut digunakan sehingga Akta yang terpakai pada hari ini (Akta Koperasi 1993) berkuatkuasa pada 22 Januari 1994 meliputi seluruh Malaysia.

Pada September 1995, Akta Koperasi 1993 telah dipinda dengan menambah seksyen baru 71A yang mengariskan panduan pembubaran dan penyusunan semula sesebuah koperasi kepada syarikat. Dengan adanya peruntukan ini satu sejarah tercatat dimana Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad telah dibatalkan pendaftarannya mulai 14 Disember 1996 dan merupakan koperasi pertama dikorporatkan.

Serentak dengan pengenalan Enakmen Koperasi 1922, ditubuhkan juga pejabat Kemajuan Kerjasama di bawah Encik A. Cavendish Pendaftar pertama bagi Syarikat Kerjasama di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu beribu pejabat di Taiping, Perak. Pada tahun 1924 orang Melayu pertama telah dilantik menjadi

Penolong Pendaftar Koperasi di Taiping dan Perak Utara iaitu Capt. Noor M. Hashim.

2.6.2 Sejarah Koperasi Kredit

Aktiviti jimat cermat, pinjam meminjam adalah satu aktiviti yang sinonim dengan gerakan koperasi. Sesebuah koperasi dikategorikan sebagai koperasi kredit apabila ianya didaftarkan dengan aktiviti pinjaman (kredit) sebagai aktiviti utamanya dalam Undang-Undang Kecilnya (UUK). Sesebuah koperasi kredit dibenarkan untuk menerima yuran yang disumbangkan oleh anggota-anggota koperasi berkenaan secara bulanan. Yuran yang terkumpul akan digunakan oleh koperasi berkenaan untuk modal pusingan bagi aktiviti pinjaman kepada anggota-anggotanya yang layak. Sehubungan itu, amaun pinjaman yang layak dipohon oleh seseorang anggota sebahagian besarnya bergantung kepada yuran yang dimiliki di dalam koperasi.

Aktiviti kredit telah dijalankan sejak bermulanya gerakan koperasi di Malaysia dalam tahun 1922 dimana Koperasi Telekom Malaysia Berhad merupakan koperasi yang pertama didaftarkan sebagai sebuah koperasi kredit iaitu pinjam meminjam pada 21 Julai 1922. Di kawasan luar bandar pula pelopor koperasi pinjaman desa ialah Syarikat Kampung Tebuk Haji Musa Bekerjasama-sama

Dengan Tanggungan Berhad, Parit Buntar Krian, Perak didaftarkan pada 3 Disember 1923.

Bilangan koperasi bertambah dengan pesatnya dari 11 buah dalam tahun 1922 menjadi 515 buah dalam tahun 1939 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu sahaja. Tujuan penubuhan koperasi kredit desa adalah untuk membantu petani-petani daripada cengkaman pemberi-pemberi hutang dan juga untuk menanamkan semangat jimat cermat dikalangan petani. Selepas masalah riba dapat diatasi melalui fatwa ulama Mesir dan Arab, sambutan dari masyarakat Melayu terhadap koperasi khususnya Koperasi Kredit Desa bertambah baik. Gerakan Koperasi juga telah mendapat sambutan daripada golongan orang makan gaji dan juga pekerja-pekerja ladang getah yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat India.

Di awal tahun 1930an di masa ekonomi dunia mengalami zaman meleset sebanyak 150 buah koperasi kredit dengan tanggungan tidak berhad yang menggunakan corak Raiffesein di German telah dapat ditubuhkan dikalangan petani-petani. Disamping itu lebih kurang 50 buah lagi koperasi kredit dengan tanggungan berhad yang mengeluarkan pinjaman musim menanam padi telah ditubuhkan dikalangan penanam padi. Pinjaman-pinjaman bermusim akan dibayar balik selepas habis musim menuai padi.

Di ladang-ladang getah dengan sokongan tuan punya ladang sebanyak 400 koperasi jenis kredit ladang telah ditubuhkan diseluruh Semenanjung dengan keanggotaan lebih kurang 70,000 orang iaitu lebih separuh bilangan anggota-anggota koperasi di Malaysia pada ketika itu.

Koperasi-koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman bagi pekerja kerajaan dan swasta di kawasan bandar telah berkembang dengan pesat kerana sambutan yang baik yang ditunjukkan oleh golongan pekerja bergaji. Pada akhir tahun 1938 sebanyak 39 buah koperasi jenis ini ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dengan bilangan keanggotaan 17,812 orang dan yuran bulanan berjumlah RM4,345,400. Di Negeri-Negeri Selat pula sebanyak 37 buah koperasi telah ditubuhkan dengan bilangan keanggotaan seramai 12,814 orang dan yuran bulanan berbayar berjumlah RM2,047,700.00.

Sehingga tahun 1941 apabila Jepun menakluki Malaya sejumlah 891 buah koperasi telah ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Selat, Kedah dan Perlis. Selepas daripada ini banyak koperasi dalam konsep lain ditubuhkan seperti koperasi pemasaran untuk memasarkan hasil petani, koperasi pengguna untuk mengatasi masalah penjaja yang mengambil untung yang berlebihan. Akibat daripada itu Koperasi Pemborong Malaya (Malayan Co-operative Wholesale Society) ditubuhkan. Selepas perang dunia kedua Koperasi perumahan pula telah memainkan peranannya dalam usaha mengurangkan masalah perumahan negara. Selepas itu muncul pula Koperasi Insuran Se

Malaysia telah didaftarkan pada 2 Ogos 1954 dengan tujuan mengeluarkan polisi-polisi insuran kepada anggota-anggotanya.

Dalam tahun 1954 Koperasi-koperasi Kredit Luar Bandar telah menubuhkan Koperasi yang lebih besar dikenali sebagai Bank-Bank Persatuan Kerjasama yang kemudian bergabung dalam Bank Agung Kampung Bekerjasama Persekutuan Tanah Melayu. Koperasi Bank ini kemudian dikenali sebagai Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) yang masih wujud hingga ke hari ini.

Senario baru telah dimulakan oleh Koperasi Belia Islam (KBI) yang ditubuhkan pada 31 Mei 1977 hasil inisiatif Biro Ekonomi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dimana kaedah pinjaman cara Islam diperkenalkan menggantikan kaedah pinjaman secara konvensional. Kewujudan KBI dalam dunia koperasi hanya benar-benar dirasakan pada tahun 1980an apabila KBI berjaya membina identitinya yang tersendiri dengan kaedah operasinya yang jelas dan matlamatnya yang murni dan hakiki. Sehingga pertengahan tahun 1985, KBI diistilahkan sebagai sebuah badan yang membawa satu “gerakan pembaharuan” kepada masyarakat koperasi khususnya, apabila ia diistiharkan sebagai “koperasi model” kepada pelaksanaan sistem kredit Islam untuk koperasi di negara ini. Bermula daripada inilah satu demi satu koperasi kredit menggunakan sistem pinjaman secara Islam dalam urusan pinjamannya dengan anggota-anggotanya

Kebanyakan koperasi kredit ini ditubuhkan oleh kakitangan sektor awam dan swasta yang berpendapatan tetap. Sebelum 1976, kerajaan telah membantu perkembangan koperasi ini dengan menyediakan kemudahan potongan gaji bulanan kakitangannya untuk tujuan bayaran balik pinjaman atau caruman bulanan anggota kepada koperasi. Ini telah membantu koperasi dalam pengaliran kumpulan wang yang berterusan disamping mengurangkan risiko peminjam yang mungkin tidak membayar balik pinjaman. Pada April 1977, ANGKASA telah mengambil alih urusan potongan gaji kakitangan kerajaan dan juga kakitangan badan berkanun.

Selain daripada koperasi kredit yang sedia ada terdapat tiga buah koperasi kredit yang berbentuk bank iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BANK RAKYAT), Bank Persatuan Malaysia Berhad dan Koperasi Bank Pusat Sarawak Berhad. Bank-bank berkenaan telah memberikan kemudahan pembiayaan persendirian, pinjaman pengguna, pinjaman pendidikan, pembiayaan dana perumahan dan pinjaman kepada pengusaha kecil dan sederhana.

Pelbagai jenis kemudahan pinjaman telah dikeluarkan untuk kemudahan anggota-anggota koperasi. Diantaranya ialah, pinjaman berjamin, pinjaman pengguna, pinjaman kecemasan, pinjaman pendidikan, pinjaman pembelian kenderaan dan pinjaman pelancongan. Pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan ini telah berjaya mengatasi permasalahan kewangan anggota dan tidak membebankan pula. Ini adalah kerana faedah yang dikenakan rendah iaitu diantara 4 hingga 6 peratus

sahaja setahun. Ianya adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan faedah yang dikenakan oleh bank perdagangan atau syarikat kewangan. Pada tahun 2000 sahaja koperasi kredit telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM3.81 bilion berbanding pinjaman yang dikeluarkan pada tahun 1999 yang berjumlah RM1.09 bilion.

Bilangan koperasi kredit telah meningkat daripada 431 buah pada akhir tahun 1960 kepada 459 pada akhir tahun 1985. Dalam tempoh yang sama bilangan anggota meningkat daripada 121,235 orang kepada 1,989,938 orang dan jumlah sumber koperasi meningkat daripada RM71 juta kepada RM5,087 juta. Walaupun begitu jumlah koperasi kredit agak stabil bilangannya dimana dalam tahun 1999 bilangan koperasi kredit adalah 447 buah dengan jumlah anggota 1.45 juta dan jumlah yuran dan sahamnya adalah RM2.9 bilion dan jumlah asetnya adalah RM14 bilion. Manakala dalam tahun 2001, jumlah bilangan koperasi kredit adalah 456 dengan keanggotaan seramai 1.5 juta orang dan memiliki jumlah yuran dan saham berjumlah RM3.3 bilion dan jumlah asetnya adalah RM15.8 bilion.

2.6.3 Detik Hitam Koperasi Kredit

Pada tahun 1970-an dan 1980-an, beberapa buah koperasi kredit telah berkembang dengan pesat dan banyak cawangan baru telah ditubuhkan. Hal ini berlaku kerana minat orang ramai menabung dalam pasaran kewangan tidak resmi

yang menawarkan kadar faedah yang tinggi daripada institusi kewangan yang lain. Walau bagaimanapun, kebanyakan koperasi termasuk Koperasi Pengambil Deposit (KPD) masih lemah dari segi pengurusan dan banyak aktiviti koperasi ini yang dibuat secara komersial seperti pajakan, perdagangan dan pelaburan secara besar-besaran, tidak mendapat kebenaran pihak berkuasa. Menurut Bank Negara Malaysia (1989: 329), kebanyakan koperasi ini gagal memenuhi nisbah mudah tunai minimum sebanyak 25 % seperti yang termaktub dalam undang-undang koperasi. Pada Julai 1986, apabila pasaran wang dalam negeri mengalami mudah tunai yang ketat, sebuah KPD telah gagal memenuhi pengeluaran deposit ahli secara besar-besaran dan ini menyebabkan ahli hilang keyakinan terhadap koperasi. Perkara yang sama juga kemudian berlaku kepada KPD yang lain.

Sebenarnya kebanyakan koperasi KPD mengalami kerugian dalam pelaburan dan tidak mampu memenuhi tuntutan balik deposit-deposit yang telah dibuat oleh ahli masing-masing. Antara faktor kegagalan KPD ialah kelemahan pengurusan, pelaburan yang berlebihan dalam hartanah dan harta benda, kurang pengawasan terhadap cawangan-cawangan, spekulasi yang meluas dalam pembelian saham, pinjaman yang tidak berhemat kepada pengarah dan golongan tertentu, serta amalan pecah amanah yang meluas.

Pada 23 Julai 1986, kerajaan telah mengumumkan secara rasmi “Peraturan-Peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit)” bagi menjaga kepentingan ahli-ahli koperasi. Peraturan ini memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia

(BNM) membeku dan menyiasat harta koperasi pengambil deposit dan pegawai-pegawai tertentu. Lanjutan daripada itu, BNM telah membekukan harta 24 buah KPD dengan jumlah tanggungan deposit sebanyak RM1.5 bilion, melibatkan 588,000 orang ahli dan 630 buah cawangan. Koperasi-koperasi ini menanggung defisit (kekurangan) kasar sebanyak RM601 juta, bermakna setiap pendeposit kehilangan purata hampir 40 sen bagi setiap satu ringgit yang telah didepositkan (BNM 1989:330). Pada tahun yang sama juga harta tujuh buah lagi KPD telah dibekukan oleh BNM. Ketujuh-tujuh buah koperasi ini mempunyai tanggungan deposit sebanyak RM1.9 bilion yang melibatkan lebih daripada 163,000 pendeposit. Tiga daripadanya terletak di Sabah dan bakinya di Semenanjung Malaysia (BNM 1992:61-63).

Pada akhir tahun 1987, bilangan koperasi kredit telah berkurangan kepada 454 buah berikutan daripada pembatalan pendaftaran lima buah KPD yang bermasalah. Jumlah ahli merosot kepada 1,270,683 orang (berkurangan seramai 719,255 orang) dan jumlah sumber kepada RM3,801 juta (merosot sebanyak RM1,286 juta). Jumlah pelaburan KPD pula merosot daripada RM1,483 juta pada akhir tahun 1985 kepada RM859 juta pada akhir tahun 1987 (berkurangan sebanyak RM624 juta). Daripada jumlah ini RM347 juta (40.4 %) dilaburkan dalam bentuk deposit tabungan dan tetap. RM260 juta (30.3 %) dalam hartanah dan baki RM252 juta (29.3 %) dalam pembelian stok dan saham (BNM 1989: 331-333)

Akibat pengurusan dan status kewangan Bank Pusat Kerjasama (BPK) yang lemah, pada 7 Januari 1988, di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit) 1986, BNM telah menyiasat pengurusan BPK dan membuat penilaian keatas harta dan tanggungannya (BNM, 1989: 336). Bagi menjaga kepentingan pendeposit, satu skim penyelamat telah ditubuhkan dengan bantuan 14 buah bank perdagangan dan lapan buah syarikat kewangan. Kerajaan telah memberi kredit cukai berjumlah RM629 juta dan bersetuju memberi pinjaman sebanyak RM1 bilion kepada institusi kewangan yang terbabit dalam skim ini. RM720 juta daripadanya merupakan pinjaman berfaedah rendah (1 % setahun) dan bakinya sebanyak RM280 juta dalam bentuk pinjaman komersial (kadar faedah 4 % setahun).

Di bawah skim ini, semua pendeposit telah menerima kembali deposit mereka sepenuhnya sama ada dalam bentuk wang tunai atau ekuiti, kecuali pendeposit dua buah KPD iaitu Federation of Housing Cooperative Limited (FHC) dan BPK (sebahagian besar ekuiti FHC dimiliki oleh BPK). Menurut BNM (1992:63), koperasi ini berhadapan dengan masalah undang-undang dan dakwaan mahkamah yang dihadapi oleh penanggung-penanggung khususnya akibat daripada perintah Mahkamah Agung supaya tuntutan pendeposit diletakkan sama rata dengan pemiutang lain yang tidak bercagar. Peraturan-Peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit) (Pindaan 1991) telah diwartakan pada 26 Januari 1992 bagi menyelesaikan beberapa masalah teknikal dan melicinkan kejayaan skim penyelamat KPD.

Sehingga akhir 1996, kes FHC dan BPK masih lagi di bawah pengawasan BNM. Aset dan liabiliti BPK telah diambil alih oleh Allied Bank (M) Berhad dan koperasi berkenaan dalam proses mengutip hutangnya kembali. Rayuan Koperasi Midlands kepada kerajaan untuk mendapatkan kembali saham anggota koperasi dalam BPK masih belum diluluskan (Persidangan Kebangsaan ANGKASA Ke 13, 1996: 8)

Setelah penanggung-penanggung yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi dan penama yang dilantik oleh BNM menjalankan tugas maka mereka telah mendapat pelepasan dari Mahkamah Tinggi dan BNM pada tahun 1990 dan tahun 1997. Sehingga kini 17 koperasi pengambil deposit yang terlibat telah dibatalkan pendaftarannya.

Sebanyak 6 buah KPD lagi kemudiannya dibenarkan beroperasi semula.

Koperasi-koperasi itu adalah seperti berikut:

<u>Nama Koperasi</u>	<u>Mulai Tarikh</u>
Koperasi Seri Maju Berhad	21 . 7 . 1987
Koperasi Pantai Kembang Berhad	25 . 1 . 1990
Koperasi Belia Maju Jaya Berhad	26 . 7 . 1993
Koperasi Bersatu Tenaga Berhad	26 . 7 . 1993
Koperasi Serbaguna Malaysia Berhad	1 . 8 . 1996
Koperasi Maju Jaya Malaysia Berhad	17 . 8 . 1997

Dua buah KPD yang masih di bawah penanggung sehingga hari ini adalah Koperasi Rakyat Berhad (KORAKYAT) dan Koperasi Kewangan Pembangunan Sabah Berhad kerana penanggung-penanggung belum menyediakan akaun terakhir koperasi-koperasi itu untuk dikemukakan kepada BNM supaya dapat mengemukakan permohonan pelepasan dari Mahkamah Tinggi. Sebuah KPD yang lain telah dilepaskan dari penanggung tetapi masih di bawah pengawasan BNM sehingga sekarang ialah Koperasi Serbaguna Leasing dan Kredit Malaysia Berhad.

2.7 Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad (KAAK).

Sejarah awal penubuhan KAAK Batu Pahat Berhad bermula pada tahun 1950. Pada awalnya dikenali dengan nama Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Bagi Kakitangan Kerajaan Batu Pahat Dengan Tanggungan Berhad (SBKK) telah diluluskan penubuhannya pada 20 Mac 1950 oleh Pendaftar Syarikat Bekerjasama-sama Persekutuan Tanah Melayu dengan pendaftaran No 967 yang diketuai oleh R.A.Alfred, seorang Pegawai Tadbir beserta dengan 14 orang pegawai kerajaan Batu Pahat sebagai Jawatankuasa Pengasas.

Pada awal penubuhannya Koperasi beroperasi di satu sudut kecil di Pejabat Kemajuan Kerjasama Melayu Batu Pahat yang dianggotai seramai 165 orang anggota sahaja. Ia

dipengerusikan oleh Allahyarham Encik Awang Bin Mohd Said. Pada tahun 1956 Pejabat Pelajaran Batu Pahat telah memberikan sebuah bilik bagi kegunaan Koperasi ini.

Pada tahun 1978, namanya diubah kepada Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Bagi Kakitangan Kerajaan Batu Pahat Berhad (KWJCPWKK.BP). Beberapa tahun kemudian Koperasi ini telah dikenali dengan nama Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad (KAAK.BPB) mulai pada 10.12.1995.

Keanggotaan SBKK bertambah dari permulaan seramai 52 orang kepada 838 orang pada tahun 1961. Dengan ini juga yuran anggota meningkat dan telah dapat mengumpulkan wang bahagian sebanyak RM244,441.85.

Koperasi ini terus berkembang dan maju di bawah Pengerusinya Allahyarham Tuan Hj Mohd Diah Bin Abd Rahman dimana pada tahun 1964 sebidang tanah seluas 1 rod 16.14 pol di Jalan Pegawai telah dibeli dari Pemenang Amanah Sekolah Pergerakan Batu Pahat.

Pada 22 Julai 1965, Tuan Pegawai Daerah Batu Pahat iaitu Y.B Dato' Hj Talib Bin Abu selaku Penasihat SBKK telah meletakkan batu asas bagi mendirikan sebuah bangunan dua tingkat yang bernilai RM95,000.00. Pada 17 Disember 1965 Pejabat SBKK telah dipindahkan ke bangunan yang beralamat No 1, Jalan Pegawai Batu Pahat. Pada 18 Februari 1966 Menteri Pertanian dan Kerjasama Malaysia iaitu Y.B Hj Mohd Ghazali Bin Hj Nawli telah merasmikan Bangunan Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Kakitangan Kerajaan Batu Pahat Dengan Tanggungan Berhad.

Di awal pengurusan, koperasi ini dikendalikan dengan bantuan dua orang kerani dan seorang pembantu pejabat. Anggota Lembaga Tadbir terdiri daripada sembilan orang kutipan wang koperasi (yuran dan hutang) telah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan dan Guru Besar Sekolah sehingga pada tahun 1983, selepas itu potongan wang Koperasi dilaksanakan oleh ANGKASA.

Selain menjalankan aktiviti pinjam meminjam, pada tahun 1975 sebuah Kedai Koperasi dikenali dengan nama “Kedai Kasut” telah dibuka dengan modal pendahuluan sebanyak RM378,242.62. Dalam tahun 1981, Kedai Nasional telah dibuka dengan modal permulaan sebanyak RM395,033.86 yang menjual barangan elektrik berjenama Nasional/Panasonic. Pada tahun 1991, Kedai Kasut dan Kedai National telah disatukan dan dikenali dengan Kedai Koperasi, KAAK Batu Pahat Berhad. Disamping itu pada tahun 1978, Stesen Minyak BP telah dibuka di Jalan Rahmat, Batu Pahat dengan modal RM240,000.00 dengan pinjaman daripada Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi. Pada Ogos 1999, KAAK Batu Pahat Berhad telah memperuntukan sebanyak RM200,000.00 untuk memulakan perniagaan kedai pajak gadai emas (Ar-rahnu). Perniagaan perabot JATIRIA KAAK Batu Pahat Berhad telah memulakan perniagaan perabot jatinya dengan modal permulaan barjumlah RM100,000.00 pada 5 September 2002.

Pertambahan anggota Koperasi dari tahun ke setahun telah meningkatkan pengurusan dan pentadbiran Koperasi. Untuk memastikan urusan pejabat berjalan dengan lancar,

Koperasi telah menambahkan bilangan kakitangannya dari setahun kesetahun hinggalah berjumlah 18 orang kesemuanya. Untuk itu juga Koperasi telah memiliki dua buah bangunan rumah kedai yang berharga RM200,000 setiap satu yang beralamat no 18 dan 19 Taman Koperasi Bahagia. Pada 6 Ogos 2001 bangunan tersebut telah menjadi pejabat Koperasi yang baru.

2.8 Kajian Literatur

Samuel C.Chukwu dan Marburg Consult (1992) dalam bukunya Ekonomi Perusahaan Perniagaan Koperasi (Edisi Terjemahan) menyatakan terdapat dua motif seseorang menjadi anggota koperasi iaitu:

i) Motif Ekonomi

Ianya bermotifkan wang ringgit dan sen, iaitu untuk memajukan kedudukan ekonomi anggota, selalunya dengan cara meningkatkan pendapatan anggota-anggotanya melalui urusan niaga barangan atau perkhidmatan yang menjimatkan kos.

ii) Motif Sosial/Emosi

Motif sosial/emosi mungkin mempengaruhi individu memasuki koperasi dan dorongan ini selalunya tidak boleh dipastikan atau pun diukur secara langsung berasaskan nilai wang. Kehendak untuk menyertai koperasi mungkin disebabkan perasaan individu berkait dengan:

a) Rasa terpencil atau keseorangan.

Semasa zaman revolusi industri corak hidup masyarakat berubah kepada corak individualistik. Mereka sudah terpisah jauh daripada kehidupan aman dalam ikatan kekeluargaan yang rapat dikampung. Oleh itu menjadi anggota koperasi mungkin merupakan percubaan memperolehi ikatan emosi yang telah hilang.

b) Mencari jaminan.

Dalam kehidupan seharian tidak seorang pun terlepas daripada krisis baik yang umum atau yang berbentuk peribadi. Krisis merupakan risiko yang tidak boleh sama sekali dielakkan dalam hidup. Seperti risiko lain krisis merupakan suatu yang tidak dapat diketahui bila berlakunya. Seseorang boleh terperangkap dalam sesuatu krisis dengan tiba-tiba. Kemungkinan juga krisis yang

menimpa tidak dapat diselesaikan sendiri tanpa pertolongan orang lain. Dalam keadaan krisis, terutamanya di negara-negara membangun, dorongan mencari perlindungan berlaku seiring dengan kehendak emosi lebih daripada kehendak kebendaan.

c) Mencari Perlindungan

Bila anggota baru diterima menjadi anggota dalam koperasi yang sedia wujud, kumpulan secara keseluruhannya berupaya melindungi ahli baru daripada apa-apa bahaya dari luar baik dalam bentuk jasmani atau rohani.

d) Melahirkan rasa senang/suka kepada seseorang tertentu.

Dengan memasuki koperasi dapatlah dia merasai dirinya bersama dengan orang yang dihormati itu dan berhubung dengan orang-orang berkenaan.

e) Tidak mahu ketinggalan berbanding orang lain.

Keadaan ini berlaku apabila jiran dan kawan terdiri daripada mereka yang terlalu mementingkan status dan memasuki koperasi ini merupakan usaha meningkatkan kedudukan sosial mereka.

Keanggotaan oleh seseorang jiran/kawan akan meningkatkan imejnya jika koperasi itu dipandang tinggi.

- f) Mengelakkan daripada menjadi “kera sumbang”

Bila seseorang mendapati kesemua orang disekelilingnya menyertai koperasi maka dia juga merasai seolah-olah perlu untuk turut serta. Jika tidak berbuat demikian dia merasakan ada yang tidak kena pada dirinya.

- g) Bertujuan merebut peluang.

Mereka menyertai koperasi semata-mata kerana melihat ramai orang menyertainya. Mereka beranggapan tidak mungkin orang ramai tersilap dalam membuat keputusan menyertai koperasi, sekurang-kurangnya mesti terdapat apa-apa manfaat dan mereka juga tidak mahu terlepas peluang itu walaupun mereka tidak jelas tentang menafaat yang mungkin diperolehi.

- h) Patuh kepada adat resam atau tradisi keluarga.

Kes ini wujud dikawasan luar bandar yang mana anggota-anggotanya terdiri daripada kalangan keluarga. Dimana mereka

menerima koperasi sebagai pusaka. Sebagai contohnya koperasi luar bandar Raiffeisen di negara Jerman.

- i) Menggunakan koperasi sebagai batu loncatan.

Terdapat juga individu yang menggunakan koperasi untuk mendapat pengaruh dalam masyarakat atau pun politik. Koperasi dijadikan tapak permulaan untuk mencari pengaruh.

Jika dilihat kepada kenyataan Samuel C.Chukwu dan Marburg Consult (1992), penubuhan koperasi bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan ekonomi tetapi juga untuk tujuan sosial, yang mana anggota-anggota koperasi merupakan manusia yang beremosi dan perlukan interaksi sosial. Secara tidak langsung ianya berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial.

Oleh yang demikian penubuhan koperasi sering dikaitkan dengan maksud membasmi kemiskinan. Kemiskinan telah dinyatakan di “World Summit For Social Development” ialah:

“Kemiskinan mempunyai perbagai manifestasi, ianya melibatkan kekurangan pendapatan dan juga tidak mempunyai sumber produktiviti untuk memastikan kekukuhan kehidupan, kelaparan, kekurangan zat pemakanan, kurangnya tahap kesihatan, kurang pendidikan dan juga lain-lain keperluan perkhidmatan asas

seperti semangat juang untuk hidup, tiada tempat tinggal, ketidak cukupan tempat tinggal, persekitaran yang tidak selamat, diskriminasi sosial dan terpinggir. Ia juga boleh dianggap sebagai kurangnya penglibatan dalam membuat keputusan didalam masyarakat dan budaya hidup.....”

Pembangunan adalah suatu konsep yang agak kompleks untuk diberikan satu takrif yang tepat dan lengkap. Dalam bidang ekonomi pembangunan, Hirschman (1958:51) mentakrifkan pembangunan sebagai:

“Satu proses perubahan daripada suatu jenis aktiviti ekonomi kepada suatu jenis aktiviti ekonomi yang lebih maju”.

Walau bagaimanapun M.P. Todaro (1989:99) menjelaskan bahawa pembangunan tidak hanya melibatkan fenomena atau soal ekonomi sahaja tetapi juga meliputi pemilikan kebendaan, pendapatan dan keseluruhan kehidupan. Todaro mentaksirkan pembangunan sebagai berikut:

“Pembangunan haruslah dilihat sebagai suatu proses multidimensional yang melibatkan perubahan-perubahan utama dalam struktur masyarakat, sikap (popular attitudes), institusi-institusi nasional di samping berlakunya pertumbuhan ekonomi, pengurangan didalam ketaksamarataan dan kemiskinan mutlak”.

(Todaro, 1989:88)

Jelaslah disini bahawa, pembangunan sebenarnya ialah suatu proses pelbagai dimensi yang melibatkan pembentukan dan penyusunan semula keseluruhan sistem ekonomi dan sosial sesebuah negara. Dengan itu, pembangunan merupakan suatu proses yang membawa perubahan ke tahap yang lebih baik atau lebih maju bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga meliputi ruang lingkup kependudukan, politik, sosial dan faktor kemasyarakatan yang lain.

Oleh yang demikian penubuhan koperasi untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat merupakan langkah bijak kerajaan. Ianya berkait rapat dengan konsep dan falsafah Rukun Negara iaitu “mencipta masyarakat adil dimana kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama”, manakala falsafah koperasi pula ialah “menghapuskan kemiskinan dan penindasan supaya kemakmuran akan dapat dinikmati bersama” (Cik Putih, 1981:9).

Kenyataan diatas sejajar dengan kenyataan Datuk Sanusi Junid, bekas Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyifatkan koperasi sebagai salah satu jalan untuk mengatasi masalah yang sering timbul di kalangan masyarakat luar bandar. Menurut beliau, 60 peratus ahli politik di Taiwan merupakan pemimpin koperasi dan perkara ini tidak mustahil berlaku di negara ini (Tajul Rosli, 1984:2). Melalui cara ini, pemimpin koperasi yang juga berperanan sebagai ahli politik tempatan akan lebih terdedah kepada kehendak masyarakat setempat terutamanya dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan mewujudkan semangat bekerjasama antara mereka.

Tun Ghafar Baba juga pernah menyatakan bahawa gerakan koperasi haruslah berperanan sebagai “Gerakan Pembangunan Rakyat” dan sebagai jentera pelaksana Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kerajaan sedar bahawa pergerakan koperasi adalah paling sesuai untuk merancang dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat Malaysia tanpa mengira kaum jika prinsip murninya diikuti dengan betul. Koperasi juga seharusnya menikmati kemajuan yang dicapai oleh sektor swasta yang lain atau setaraf dengan koperasi negara maju seperti di Sweden, Jepun, Korea dan lain-lain (PELANCAR, Januari 1989:7). Di Jepun dan Korea, masyarakat percaya bahawa kejayaan koperasi adalah kejayaan yang dicapai dalam usaha meningkatkan taraf hidup mereka.

Menurut Prof. Dr. A. Hanel (PELANCAR, Jun 1991:18) pakar koperasi dari Universiti Marburg, Jerman Barat, perkembangan koperasi yang berasaskan kredit dan bank di Malaysia akan berkembang dengan pesatnya jika bersedia mencontohi struktur, fungsi dan sejarah Deutsche Genossenschafts Bank, Frankfurt, iaitu koperasi yang terbesar di Jerman Barat.

Sebelum sesuatu koperasi itu dapat memainkan peranan yang sepatutnya, koperasi perlu memiliki kekuatan sumber kewangan untuk menjanakan aktiviti-aktivitinya. Menurut J.D.Von Pischke (1996:6) yang telah membuat pemerhatian keatas “FAO, COPAC (Committee for the Promotion and advancement of Co-operatives), ILO, World Bank” dan lain-lain agensi menyatakan bahawa:

“Pengumpulan modal yang secukupnya merupakan satu cabaran kepada koperasi dan pada kebiasaannya modal yang diperlukan tidak mencukupi. Kebanyakan koperasi dan juga keseluruhan gerakannya menghadapi masalah kekurangan modal untuk meningkatkan pertumbuhannya dan kekal bersaing. Keadaan ini lebih kerap berlaku kepada koperasi asas pertanian.

Beliau juga menjelaskan bahawa kurangnya penekanan kepada pengumpulan modal melalui anggota-anggota akan membawa kepada terbantutnya perkembangan koperasi. Beliau percaya kekurangan modal ini merupakan kelemahan koperasi untuk bersaing dipersekitaran perniagaan komersial, pergolakan politik dan juga perubahan dasar awam kerajaan. Beliau menjelaskan apabila berlaku liberalisasi pasaran (liberalisation of market) struktur persaingan akan berubah dan ini akan memberi kesan atau melenyapkan sama sekali peranan koperasi yang dimodali oleh anggota-anggota.”

James R Walker bersetuju dengan pandangan J.D.Von Pischke (1996), dan beliau menambah lagi bahawa:

“Koperasi berhadapan dengan peningkatan persekitaran perniagaan yang semakin kompleks dan rumit dan kebanyakan isu-isu tersebut melibatkan persoalan dimensi ekuiti yang mereka miliki. Isu-isu tersebut melibatkan pelaburan dalam aset tetap, perkhidmatan yang diberikan kepada anggotanya, putaran modal, dan juga masalah motivasi kakitangannya.”

Walau bagaimanapun pendapat kedua-dua mereka bertentangan dengan pandangan Margaret Lund's (2000), dimana beliau mendapati:

“Pertumbuhan sektor koperasi di Itali tidak dipengaruhi oleh dana yang diperolehi daripada luar koperasi. Tetapi ianya bersandarkan undang-undang negara dan juga prinsip-prinsip koperasi. Beliau menjelaskan selain daripada pelepasan cukai oleh kerajaan dan penetapan 3 % keuntungan tahunan akan disumbangkan kepada dana khas untuk tujuan pelaburan ekuiti dan juga untuk pembangunan koperasi baru. Koperasi juga mempunyai kekuatannya sendiri iaitu kerjasama yang erat diantara anggota-anggotanya merupakan kunci utama kejayaan koperasi.”

Pandangan Margaret Lund's (2000) yang mengatakan kekuatan koperasi adalah terletak diatas kerjasama erat diantara anggota-anggotanya telah disokong oleh Asan Ali Golam Hassan (1998) yang menekankan konsep kepentingan bersama menyatakan bahawa:

“Koperasi ditubuhkan oleh sekumpulan manusia yang mempunyai sekurang-kurangnya satu kepentingan ekonomi yang sama, dan ia bergerak atas dasar tolong menolong dalam satu kumpulan untuk mengatasi masalah kumpulan tersebut tanpa mengharapkan bantuan dari luar. Oleh itu semangat perpaduan dan bantu membantu memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaannya memberikan perkhidmatan atau kemudahan yang diperlukan oleh kumpulan tersebut”.

Selain daripada kurangnya kekukuhan kewangan koperasi mestilah ditadbir dengan cekap seperti yang diperuntukan di bawah seksyen 45(1) Akta Koperasi 1993 seperti yang berikut:

“Dalam perjalanan hal-ehwal sesuatu koperasi berdaftar, anggota-anggota Lembaga koperasi berdaftar itu hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli-ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, peraturan-peraturan, undang-undang kecil koperasi berdaftar itu atau arahan mesyuarat agung”

Walaupun koperasi telah mempunyai kakitangan bergaji tetap, akauntabiliti masih lagi terletak dibahu anggota Lembaga pengarah koperasi seperti yang termaktub di bawah seksyen 45(3) Akta Koperasi 1993 yang bermaksud:

“Jika Lembaga sesuatu koperasi berdaftar telah melantik seseorang sebagai pengurus untuk mentadbir dan menguruskan hal-ehwal koperasi berdaftar itu, perlantikan itu tidaklah mengecualikan anggota-anggota Lembaga daripada liabiliti dan tanggungjawab bagi arahan dan perjalanan yang sepatutnya akan hal-ehwal koperasi berdaftar itu.”

Peruntukan ini diadakan untuk memastikan kelemahan yang berlaku didalam pengurusan koperasi dapat diatasi supaya peristiwa hitam Koperasi Pengambil Deposit (KPD) tidak berulang semula. Tuan Haji Ibrahim Bin Hashim, Pengurus Besar Bank Pertanian Malaysia dalam satu seminar di Maktab Kerjasama Malaysia pada 19 Mei hingga 21 Mei 1992 telah mengariskan beberapa kelemahan yang terdapat di dalam KPD iaitu:

- i) Ketidakcukupan modal.
- ii) Penyelewengan dan pengurusan wang yang tidak cekap.
- iii) Spekulasi dalam pasaran wang.
- iv) Pelaburan yang berlebihan dalam harta benda.
- v) Pemberian pinjaman yang tidak berhemah.
- vi) Kerugian pelaburan dalam anak syarikat koperasi.
- vii) Penggunaan dana dalam urusanniaga yang melibatkan konflik kepentingan.
- viii) Menjalankan aktiviti yang melanggar peraturan-peraturan koperasi

Selain daripada itu untuk memastikan koperasi dapat ditadbir dengan baik dan berkesan, Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2002 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi mewajibkan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) menghadiri kursus Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dikehendaki menghadiri kursus Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi. Ini adalah bertujuan supaya pentadbir-pentadbir koperasi dapat memahami keseluruhan aspek perlembagaan koperasi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan tertentu yang telah ditetapkan mengikut perundangan koperasi.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini menceritakan mengenai rekabentuk kajian dan kaedah-kaedah yang digunakan didalam mendapatkan data-data dan maklumat empirikal. Ianya menjelaskan pembangunan rangka kerja teoritikal, hipotesis kajian, instrumen-instrumen kajian yang digunakan serta kaedah-kaedah pengumpulan, pengukuran dan penganalisan data-data yang telah dikumpul.

Kajian ini ingin memastikan peranan koperasi dalam meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya dan juga peranan sosial yang dimainkannya (Samuel C.Chukwu dan Marburg Consult, 1992). Hasil kajian mungkin dapat menjelaskan kenyataan “World Summit For Social Development, 1995” yang menyatakan koperasi juga berperanan membasmi kemiskinan yang meliputi jumlah pendapatan yang rendah, keupayaan pendidikan, keupayaan pemilikan harta, keadaan tempat tinggal dan juga keselamatan sosial. Adakah pembangunan yang dibawa oleh koperasi menuju kearah perubahan struktur masyarakat dan juga pembahagian kekayaan yang sama rata dalam usaha membasmi kemiskinan (Todaro, 1989). Koperasi juga diperlihatkan sebagai sebuah institusi yang bangkit daripada semangat manusia sejagat yang saling bantu membantu seperti yang dinyatakan oleh Margaret Lund’s (2000), dan Asan Ali, (1998).


Kajian ini juga akan memperlihatkan faktor-faktor yang mempengaruhi peranan koperasi dalam meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya.

3.2 Rekabentuk Kajian

Penghasilan rekabentuk kajian adalah adaptasi dari model yang dipelopori oleh Uma Sekaran (2000). Model kajian yang akan dibentuk memperlihatkan perhubungan diantara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas seperti Rajah I.

RAJAH I

PERHUBUNGAN DIANTARA PEMBOLEHUBAH-PEMBOLEHUBAH



3.3 Hipotesis Kajian

Hipotesis Nul₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara perhubungan sosial dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.

Hipotesis Nul₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara jumlah modal yuran dan saham dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.

Hipotesis Nul₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara jumlah dividen yang diterima dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.

Hipotesis Nul₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara kekerapan anggota meminjam dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.

Hipotesis Nul₅: Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara jumlah pinjaman yang diterima dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.

Hipotesis Nul₆: Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara jumlah sumbangan kumpulan wang anggota dengan peningkatan sosio ekonomi anggota-anggota koperasi.

3.4 Dfinasi Istilah

3.4.1 Pembolehkan Bersandar

Mempertingkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggota yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah menfaat sosio ekonomi yang diperolehi oleh anggota-anggota koperasi dalam bentuk:

- i) Pemilikan harta melalui pinjaman yang dibuat.
- ii) Peluang melancung melalui aktiviti yang dijalankan oleh koperasi.
- iii) Peluang pendidikan melalui pinjaman/bantuan daripada koperasi.
- iv) Perasaan selamat dan selesa sebagai seorang anggota koperasi.

3.4.2 Pembolehubah Bebas

a) Perhubungan Sosial Anggota Koperasi

Perhubungan sosial yang dimaksudkan disini adalah tempoh masa seseorang anggota itu menganggotai sesebuah koperasi dimana ianya memberi menafaat sosial yang diperolehinya oleh anggota seperti:

- i) Perasaan tidak disisih daripada masyarakat.
- ii) Ingin memberi khidmat dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi.
- iii) Pergaulan sosial semakin meluas dan ramai kenalan dan kawan-kawan baru.
- iv) Merasai diri seperti dihormati oleh masyarakat.

b) Jumlah Modal Yuran Dan Syer Yang Disimpan Dalam Koperasi

Pada kebiasaannya setiap anggota koperasi kredit akan mendepositkan sejumlah wang dalam simpanan koperasi dalam bentuk modal yuran dan syer.

Syer ertinya bahagian dalam modal syer sesuatu koperasi berdaftar yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan keanggotaannya dalam koperasi berdaftar itu.

Yuran ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam sesuatu koperasi berdaftar dan yang boleh dikeluarkan apabila tamat keanggotaannya.

Apakah menfaat yang diperolehi oleh anggota keatas simpanan saham dan yuran yang telah dibuat seperti:

- i) Adakah koperasi tempat simpanan wang yang selamat.
 - ii) Adakah simpanan tersebut untuk kegunaan semasa kecemasan.
 - iii) Adakah untuk tujuan simpanan pada hari selepas bersara.
 - iv) Wang hanya dapat dikumpul melalui saham dan yuran yang ada disimpan di koperasi.
- c) Jumlah Dividen Yang Diterima

Dividen ertinya bahagian keuntungan sesuatu koperasi berdaftar yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer atau modal yuran yang dipegang oleh mereka.

Apakah peranan yang dimainkan oleh dividen yang diterima oleh anggota seperti:

- i) Dividen digunakan untuk belanja pendidikan.
- ii) Dividen yang diperolehi disimpan semula kedalam koperasi.
- iii) Dividen digunakan untuk belanja pembelian harta dan melancung.
- iv) Dividen dapat mengurangkan beban kewangan anggota.

d) Kekerapan Anggota Meminjam

Kekerapan anggota meminjam dengan koperasi dalam tempoh selama mana ia menjadi anggota koperasi dan apakah sebab musabab yang mempengaruhi tindakan tersebut. Adakah disebabkan perkara berikut:

- i) Semakin kerap pinjaman dibuat dapat meringankan beban kewangan anggota.
- ii) Kos pinjaman adalah rendah.
- iii) Syarat pinjaman adalah mudah dan cepat.
- iv) Koperasi ini aktivitinya memberi pinjaman oleh itu saya menaifikannya.

e) Jumlah Pinjaman Yang Diterima Oleh Anggota

Berapa banyakkah jumlah wang yang telah dipinjam oleh anggota koperasi dan apakah kegunaannya seperti:

- i) Jumlah pinjaman yang lebih besar dapat membantu anggota koperasi.
- ii) Pinjaman yang dibuat adalah untuk membuat pelaburan ditempat lain.
- iii) Pinjaman yang dibuat adalah untuk membayar hutang.
- iv) Bayaran balik pinjaman yang tidak membebaskan.

f) Jumlah Sumbangan Kumpulan Wang Anggota

Pada kebiasaannya koperasi-koperasi mengujudkan kumpulan-kumpulan wang yang bertujuan melaksanakan tanggungjawab sosial kepada anggota-anggotanya. Untuk itu setiap anggota dikehendaki mencarum sejumlah wang yang kecil kedalam tabungan ini. Wang yang dicarumkan kedalam tabung ini merupakan wang hangus dan bukan milik anggota tersebut dan ianya merupakan satu derma daripada anggota kepada mereka-mereka yang difikirkan layak memperolehnya. Dana daripada kumpulanwang ini akan digunakan untuk membantu anggota-anggota koperasi seperti:

- i) Bantuan kecemasan apabila diperlukan.
- ii) Bantuan ini merupakan kidmat sosial koperasi. Ianya merupakan konsep tolong menolong sesama anggota.
- iii) Kumpulan wang ini perlu dikembangkan peranannya.
- iv) Kumpulan wang ini merupakan tempat bergantung anggota koperasi semasa kesusahan.

3.5 Populasi Dan Persempelan

Terdapat seramai 4,417 orang kakitangan kerajaan yang menganggotai Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad. Dimana 96.9 % daripada mereka adalah daripada kaum Melayu, 2.1 % adalah daripada kaum Cina dan selebihnya terdiri daripada kaum India iaitu 1 %. Daripada seramai 4,417 orang anggota koperasi 60 % adalah kaum lelaki dan 40 % lagi adalah kaum wanita. Kakitangan kerajaan yang menganggotai

koperasi terdiri daripada pelbagai jawatan dan pekerjaan seperti Guru, Polis, Kakitangan Majlis Daerah, Kakitangan Jabatan Kerja Raya, Kakitangan Hospital dan berbagai-bagai lagi jenis jabatan yang tersedia ada.

Disebabkan bilangan kaum Cina dan India amat kecil sekali berbanding dengan kaum Melayu, maka ianya tidak banyak mempengaruhi hasil kajian jika tiada responden daripada kaum Cina dan India yang terpilih dalam persempelan. Kajian ini juga tidak menumpukan kepada faktor keberbagaian jenis kerja kerana faktor tersebut bukanlah merupakan salah satu objektif kajian.

Berdasarkan kepada jadual saiz sample oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan juga Cohen (1969) didalam Sekaran (2000), jumlah populasi 4,500 hanya memerlukan sejumlah sampel sebanyak 354 seperti di Lampiran I.

Oleh kerana jumlah populasi koperasi adalah 4.417 maka jumlah sampel yang diperlukan adalah sekurang-kurangnya 354 sampel sahaja. Responden-responden yang dipilih adalah menggunakan kaedah sampel rawak mudah.

3.6 Sumber Data

Pengumpulan data-data primer adalah menerusi borang soal selidik yang telah direkabentuk. Borang soal selidik ini digunakan untuk mendapatkan data-data dan

maklumat daripada responden-responden yang terdiri daripada anggota-anggota Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad.

Data-data sekunder terutama maklumat mengenai latarbelakang Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad telah diperolehi daripada bahan-bahan bercetak yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi, koperasi berkenaan dan juga daripada Maktab Kerjasama Malaysia.

Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih responden kajian ini adalah secara rawak mudah. Memandangkan anggota-anggota koperasi terdiri daripada kakitangan kerajaan yang bekerja dipelbagai jenis jabatan kerajaan seperti di sekolah menengah, sekolah rendah, hospital, klinik desa, klinik daerah, majlis daerah, pejabat daerah, pejabat tanah, pasukan beruniform (polis, tentera, bomba) dan berbagai-bagai jabatan lagi yang terdapat di daerah Batu Pahat. Adalah didapati hampir 100 buah agensi kerajaan yang terdapat di Batu Pahat yang mana kakitangannya menjadi anggota Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad.

Oleh yang demikian kajian ini hanya memilih jabatan kerajaan yang tertentu sahaja yang terletak berhampiran dengan pejabat Koperasi Anggota-Anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad. Nama-nama kakitangan kerajaan tersebut didapati daripada senarai nama pendaftaran anggota-anggota koperasi. Seperti yang telah ditentukan, saiz sampel kajian ini adalah 354 orang anggota koperasi seperti yang dinyatakan dalam Lampiran II.

3.7 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian seperti di Lampiran III. Bahagian pertama mempunyai soalan-soalan yang berkaitan dengan ciri-ciri peribadi responden. Bahagian kedua mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan kegunaan pinjaman yang dibuat. Bahagian ketiga mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

a) Bahagian Pertama

Terdapat lapan soalan di bahagian ini dimana ianya berkenaan dengan ciri-ciri peribadi responden. Soalan yang digunakan adalah untuk mengumpul maklumat mengenai profil responden dari segi jantina, keanggotaannya di dalam koperasi, gred jawatan dan jumlah simpanan yuran dan saham di dalam koperasi.

b) Bahagian Kedua

Soal selidik dibahagian ini hanya terdapat tiga soalan sahaja yang berkaitan dengan kegunaan pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh seseorang anggota koperasi.

c) Bahagian Ketiga

Bahagian ini mengandungi 28 soalan yang disusun secara rawak. Susunan begini dipilih adalah untuk memastikan responden tidak dipengaruhi daripada soalan-soalan yang terdahulu dalam menjawab soalan-soalan. Daripada 28 soalan tersebut bolehlah dibahagikan kepada:

- i) Empat soalan berkenaan peningkatan taraf sosio ekonomi anggota.
- ii) Empat soalan berkenaan faedah sosial yang diperolehi daripada usia keanggotaannya di dalam koperasi.
- iii) Empat soalan berkenaan faedah ekonomi yang diperolehi daripada jumlah modal syer dan yuran yang disimpan oleh anggota.
- iv) Empat soalan berkenaan faedah ekonomi yang diperolehi daripada jumlah dividen yang diterima.
- v) Empat soalan berkenaan faedah ekonomi yang diperolehi daripada kekerapan pinjaman yang dibuat.
- vi) Empat soalan berkenaan faedah ekonomi yang diperolehi daripada jumlah pinjaman yang diperolehi.
- vii) Empat soalan berkenaan dengan keperluan Kumpulanwang Anggota.

Ukuran yang dibuat adalah berdasarkan Skala “Likert” seperti yang berikut:

<u>Item</u>	<u>Skor</u>
Amat Bersetuju	5
Bersetuju	4
Tak Pasti	3
Tidak Bersetuju	2
Amat Tidak Bersetuju	1

3.8 Pra-uji Soalselidik

Satu pra uji soal selidik telah dijalankan keatas 30 orang responden yang terdiri daripada kakitangan kerajaan yang menganggotai Koperasi Kakitangan Kerajaan Batu Pahat Berhad. 30 orang responden ini bekerja di Wisma Persekutuan Jalan Bakau Condong Batu Pahat dan pra uji tersebut telah dijalankan pada 8 dan 9 hb April 2003. Tujuan pra uji ini adalah untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik dan mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang ada.

Kebolehpercayaan soal selidik ditentukan dengan menggunakan kaedah Cronbach's Alpha. Menurut Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir dalam bukunya Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 (2001), nilai pekali yang paling maksimum bagi pekali kebolehpercayaan adalah 1. Sekiranya nilai pekali tersebut kurang dari 0.6, maka boleh lah dianggap instrumen yang digunakan didalam kajian mempunyai nilai

kebolehpercayaan yang rendah. Selepas membuat ujian kebolehpercayaan adalah didapati nilai kebolehpercayaan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan adalah memuaskan seperti di bawah:

- i) Kebolehpercayaan Pembolehubah-Pembolehubah (Soalan 12 hingga 39) = 0.8474
- ii) Kebolehpercayaan Pembolehubah Bebas Dan Pembolehubah Bersandar = 0.8136

Data-data lengkap ada dalam Lampiran IV

3.9 Analisis Data

Pada peringkat menganalisis data, penyelidik menggunakan program komputer “Stastical Package For Social Science” (SPSS Version 10.0). Statistik yang akan digunakan adalah statistik “Descriptive” dan statistik “Inferential”.

a) Statistik “Descriptive”

Dengan menggunakan statistik “descriptive” data-data yang diterima dianalisis dengan menggunakan kaedah kekerapan, peratusan dan “central tendencies” seperti min dan sisihan piawai.

Analisa Min

Analisa min digunakan adalah untuk melihat akan kecenderungan memusat sesuatu data yang akan memberikan gambaran secara keseluruhan berkenaan sesuatu perkara.

Analisa Sisihan Piawai

Analisa sisihan piawai adalah untuk mengukur serakan taburan sesuatu data. Analisa min dan sisihan piawai merupakan analisa statistik “descriptive” yang biasa digunakan kerana ianya mengikuti peraturan statistik dalam keadaan taburan normal iaitu:

- i) Kebanyakan pemerhatian adalah terletak diantara tiga kali ganda sisihan piawai dengan min.
- ii) Lebih daripada 90 peratus pemerhatian adalah terletak diantara dua kali ganda sisihan piawai dengan min.
- iii) Lebih daripada separuh pemerhatian adalah terletak diantara sisihan piawai dengan min.

b) **Statistik “Inferential”**

Beberapa alat-alat statistik digunakan untuk menjalankan perkara-perkara yang berikut:

Analisis Korelasi Pearson

Analisis korelasi Pearson digunakan untuk menentukan sejauh mana dua atau lebih pembolehubah-pembolehubah menunjukkan hubungkait diantara satu sama lain. Koefisien korelasi mengindekskan dua komponen hubungkait diantara pembolehubah-pembolehubah (William, 1986; Sekaran, 2000; Cooper & Emory, 1995) iaitu

- i) Magnitud hubungkait (r atau R) atau tahap dimana pembolehubah-pembolehubah berubah bersama-sama.
- ii) Arah hubungan tersebut iaitu samada pembolehubah-pembolehubah berubah secara selari (positif) atau secara songsang (negatif)

Dengan itu hipotesis yang mencadangkan hubungan yang positif atau negatif diantara dua pembolehubah boleh diuji dengan melihat korelasi diantara mereka. Didalam kajian ini korelasi “Pearson” digunakan untuk menganalisis pembolehubah-pembolehubah yang diukur didalam skala “interval”. Koefisien korelasi ini berada didalam julat +1 hingga ke -1 . Ketiadaan hubungan diantara

pembolehubah-pembolehubah adalah ditunjukkan dengan nilai koefisien menghampiri 0. Lampiran V menerangkan kekuatan hubungan diantara dua pembolehubah.

3.10 Rumusan

Dalam bab ini telah dibentangkan tentang populasi dan persampelan yang digunakan, sumber data serta pembentukan dan tatacara soal selidik. Turut dibincangkan ialah model kajian yang akan digunakan serta kaedah yang dipilih untuk menganalisis data kajian. Kaedah-kaedah dan tatacara penyelidikan yang dibincangkan telah dijadikan panduan oleh pengkaji didalam menjalankan kajian ini secara sistematik bagi menghasilkan dapatan kajian yang baik dan tepat.

BAB IV

ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan hasil analisis data yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah dikumpulkan. Penganalisan data akan diterangkan dalam tiga bahagian utama. Di bahagian pertama akan dibincangkan mengenai latarbelakang responden. Bahagian kedua akan menumpukan kepada jawapan responden keatas pembolehubah-pembolehubah kajian. Bahagian selanjutnya akan membincangkan mengenai keputusan ujian hipotesis dengan mengaplikasikan kaedah yang telah disebutkan dalam bab ketiga.

4.1 Latarbelakang Responden

Penyelidikan telah dijalankan keatas 354 orang responden seperti yang dinyatakan didalam bab 3.5. Daripada 354 orang responden yang dipilih hanya 61.01 peratus iaitu 216 responden sahaja yang memulangkan semula borang soal selidik dalam keadaan yang lengkap berjawab seperti yang tertera di Lampiran VI.

4.1.1 Latarbelakang Responden Mengikut Jantina

Jadual II di bawah memperlihatkan sebanyak 148 responden adalah lelaki iaitu 68.5 peratus daripada keseluruhan responden telah memulangkan borang soal selidik dengan lengkap. Manakala seramai 68 responden adalah perempuan yang meliputi 31.5 peratus telah mengembalikan borang soal selidik dengan sempurna. Oleh yang demikian kajian kertas kerja ini hanya berdasarkan kepada 216 borang soal selidik yang telah dikembalikan dengan sempurna dan lengkap.

JADUAL II
JANTINA RESPONDEN

	KEKERAPAN	PERATUSAN	PERATUSAN TERKUMPUL
Lelaki	148	68.5	68.5
Perempuan	68	31.5	100.0
JUMLAH	216	100.0	

4.1.2 Latarbelakang Responden Mengikut Perjawatan

Kedudukan taraf perjawatan responden seperti yang digambarkan oleh Jadual III banyak diwakili oleh kumpulan Sokongan II iaitu mewakili sebanyak 52.3 peratus (113 orang responden). Ianya diikuti oleh kumpulan Sokongan I sebanyak 26.4 peratus (57 orang responden), kumpulan Pengurusan dan Profesional

sebanyak 15.7 peratus (34 orang responden), lain-lain gred pekerjaan sebanyak 4.6 peratus (10 orang responden – kebanyakannya adalah anggota-anggota bomba). Bilangan responden yang paling kecil sekali adalah daripada kalangan pesara kerajaan yang terdiri sebanyak 0.9 peratus iaitu seramai 2 orang responden. Taburan jumlah responden mengikut taraf perjawatan agak menyamai taburan bilangan kakitangan awam kerajaan yang kebanyakannya di anggotai oleh mereka yang berada dalam kumpulan sokongan II, diikuti pula oleh kakitangan dalam kumpulan sokongan I dan akhir sekali diikuti oleh kumpulan kakitangan pengurusan dan profesional.

JADUAL III
TARAF PERJAWATAN

	KEKERAPAN	PERATUSAN	PERATUSAN TERKUMPUL
Pengurusan Dan Profesional	34	15.7	15.7
Sokongan I	57	26.4	42.1
Sokongan II	113	52.3	94.4
Pesara	2	.9	95.4
Lain-Lain	10	4.6	100.0
JUMLAH	216	100.0	

4.1.3 Latarbelakang Responden Mengikut Pendapatan

Merujuk Jadual IV adalah didapati 51.4 peratus atau 111 responden berada pada paras gaji RM1001 hingga RM2000 sebulan, 31.5 peratus atau 68 responden bergaji di bawah RM1000 sebulan. Manakala responden yang bergaji diantara RM2001 hingga RM3000 sebulan adalah seramai 32 orang yang mewakili 14.8 peratus daripada keseluruhan responden. Responden yang bergaji diantara RM3001 hingga RM4000 keatas adalah seramai lima orang sahaja yang mewakili 2.3 peratus sahaja.

JADUAL IV
PENDAPATAN (GAJI) RESPONDEN

	KEKERAPAN	PERATUSAN	PERATUSAN TERKUMPUL
Di bawah 1000 ringgit	68	31.5	31.5
1001 hingga 2000	111	51.4	82.9
2001 hingga 3000	32	14.8	97.7
3001 hingga 4000	2	.9	98.6
4001 ringgit keatas	3	1.4	100.0
JUMLAH	216	100.0	

4.1.4 Latarbelakang Sebab-sebab Utama Responden Menjadi Anggota

Adalah didapati tujuan utama kakitangan kerajaan menganggotai koperasi ini adalah untuk membuat pinjaman dimana seramai 82 orang responden (38 peratus) menyatakan demikian. Seramai 50 orang responden (23.1 peratus) menyatakan tujuannya adalah simpanan. Ianya diikuti oleh seramai 33 orang responden (15.3 peratus) yakin dengan kemajuan koperasi dan tertarik untuk menganggotainya. Selain daripada itu seramai 17 orang responden (7.9 peratus) menyatakan tujuannya adalah untuk membantu anggota-anggota koperasi. Ada juga menyatakan ia menyertai koperasi kerana mengikut kawan dan juga atas sebab-sebab yang lain, tetapi jumlah ini tidaklah ramai. Data-data diatas diperlihatkan dalam Jadual V.

JADUAL V

SEBAB UTAMA MENJADI ANGGOTA

	KEKERAPAN	PERATUSAN	PERATUSAN TERKUMPUL
Ikut Kawan/Rakan	6	2.8	2.8
Tolong Menolong	17	7.9	10.6
Mendapatkan Pinjaman	82	38.0	48.6
Membuat Simpanan	50	23.1	71.8
Pelaburan	22	10.2	81.9
Yakin Kemajuan Koperasi	33	15.3	97.2
Lain-Lain	6	2.8	100.0
JUMLAH	216	100.0	

4.1.5 Latarbelakang Tempoh Responden Menjadi Anggota Koperasi

Merujuk Jadual VI kebanyakan tempoh keanggotaan di dalam koperasi adalah di bawah lima tahun, yang mana peratusannya adalah 30.1 peratus yang mewakili seramai 65 orang responden. Tempoh keanggotaan yang kedua tertinggi adalah diantara lima hingga 10 tahun yang mengandungi 63 orang responden iaitu 29.2 peratus. Responden yang menganggotai koperasi diantara 15 hingga 20 tahun terdiri daripada seramai 27 orang iaitu 12.5 peratus dan keanggotaan yang melebihi 20 tahun adalah seramai 30 orang responden iaitu 13.9 peratus.

JADUAL VI
TEMPOH KEANGGOTAAN

	KEKERAPAN	PERATUSAN	PERATUSAN TERKUMPUL
Di bawah 5 tahun	65	30.1	30.1
5 hingga 10 tahun	63	29.2	59.3
10 hingga 15 tahun	31	14.4	73.6
15 hingga 20 tahun	27	12.5	86.1
20 tahun keatas	30	13.9	100.0
JUMLAH	216	100.0	

4.1.6 Latarbelakang Kedudukan Modal Saham Dan Yuran Responden

Kedudukan modal saham dan yuran digambarkan oleh Jadual VII yang mana kebanyakan saham dan yuran anggota berada di bawah RM2000. Ianya diwakili seramai 93 orang responden (43.1 peratus) manakala jumlah modal saham dan yuran yang berada diantara RM2001 hingga RM4000 terdiri seramai 74 orang responden (34.3 peratus). 33 orang responden (15.3 peratus) mempunyai modal saham dan yuran diantara RM4001 hingga RM6000. Seramai 16 orang responden iaitu 7.4 peratus memiliki saham dan yuran sebanyak RM6001 keatas.

JADUAL VII
MODAL SAHAM DAN YURAN

	KEKERAPAN	PERATUSAN	PERATUSAN TERKUMPUL
Di bawah 2000 ringgit	93	43.1	43.1
2001 hingga 4000	74	34.3	77.3
4001 hingga 6000	33	15.3	92.6
6001 hingga 8000	13	6.0	98.6
8001 ringgit keatas	3	1.4	100.0
JUMLAH	216	100.0	

4.1.7 Latarbelakang Responden Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan

Peratusan kehadiran anggota di mesyuarat agung tahunan koperasi amat memuaskan sekali jika dirujuk kepada Jadual VIII ini mungkin disebabkan oleh alasan kehadiran akan diberi kepada mereka yang hadir. Seramai 100 orang responden (46.3 peratus) telah dapat menghadirkan diri setiap kali diadakan mesyuarat agung tahunan. Seramai 48 orang responden (22.2 peratus) pula telah banyak kali hadir di dalam mesyuarat agung koperasi. Seramai 68 orang responden (31.5 peratus) menyatakan hanya hadir kurang daripada sekali-sekala di dalam mesyuarat agung koperasi. Oleh yang demikian koperasi perlu memikirkan bagaimana menarik mereka yang seramai 31.5 peratus ini supaya dapat menghadiri mesyuarat agung tahunan koperasi dengan lebih kerap lagi.

JADUAL VIII

MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

	KEKERAPAN	PERATUSAN	PERATUSAN TERKUMPUL
Setiap Kali MAT	100	46.3	46.3
Banyak Kali	48	22.2	68.5
Sekali Sekala	27	12.5	81.0
Kadang Kadang	20	9.3	90.3
Tidak Pernah	21	9.7	100.0
JUMLAH	216	100.0	

4.1.8 Latarbelakang Kecenderungan Responden Menghadiri Kursus Berkenaan Koperasi

Prestasi kehadiran anggota-anggota koperasi ke kursus-kursus berkenaan koperasi amat mendukacitakan. Jika dirujuk kepada Jadual IX didapati 61.1 peratus daripada keseluruhan responden atau 132 orang responden tidak pernah menghadiri apa-apa kursus berkenaan koperasi. Hanya 38.8 peratus atau 84 orang responden sahaja yang pernah menghadiri kursus berkenaan koperasi lebih daripada sekali.

Keadaan ini amat membimbangkan kerana ia akan menghalang percambahan minda berkenaan gerakan koperasi dikalangan anggota-anggota koperasi. Oleh yang demikian pihak Lembaga Koperasi perlu memikirkan langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi perkara ini.

JADUAL IX
MENGHADIRI KURSUS

	KEKERAPAN	PERATUSAN	PERATUSAN TERKUMPUL
Sangat Kerap	10	4.6	4.6
Sekali Sekala	23	10.6	15.3
Kadang-Kadang	8	3.7	19.0
Jarang-Jarang	43	19.9	38.9
Tidak Pernah	132	61.1	100.0
JUMLAH	216	100.0	

4.1.9 Latarbelakang Aktiviti Pinjaman

Sejumlah 216 responden yang menyertai soal selidik ini sebanyak 171 orang responden (79.2 peratus) pernah membuat pinjaman sekurang-kurangnya sekali. Manakala 45 orang responden (20.8 peratus) tidak pernah membuat apa-apa pinjaman dengan koperasi seperti yang diperlihatkan dalam Jadual X. Kebanyakan mereka yang belum pernah membuat pinjaman dengan koperasi adalah mereka yang baru menjadi anggota koperasi dan ada juga yang belum ada apa-apa keperluan untuk membuat pinjaman.

JADUAL X
KEDUDUKAN PEMINJAMAN

	KEKERAPAN	PERATUSAN	PERATUSAN TERKUMPUL
Ya	171	79.2	79.2
Tidak	45	20.8	100.0
